



Hujung Minggu

پروڈنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.10 | DUHA 6.34 | ZUHUR 12.08 | ASAR 3.29 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.16

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 141

23 NOVEMBER 2024 / 1446 ٢١ جادی الأول

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"DAN belanjakanlah sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada kamu sebelum kemati datang kepada salah seorang daripada kamu lalu dia pun berkata : "Ya Tuhan! Alangkah baiknya kalau Engkau tangguhkan kematianku hingga beberapa waktu lagi supaya aku dapat bersedekah dan aku termasuk dalam golongan orang-orang soleh".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Munafiqun, ayat 10.

KUPU SB TONGGAK PEMBENTUK AKHLAK, PEMBEKAL ILMU ANAK BANGSA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bertitah, KUPU SB memainkan peranan penting untuk melahirkan guru-guru ugama yang terlatih, selaku tonggak pembentuk akhlak dan pembekal ilmu bagi anak bangsa.

"Untuk keberkesan pendidikan, beta sangat berharap supaya KUPU SB sentiasa menilai dan memperbarui program-programnya supaya kekal relevan dan memenuhi keperluan negara, khasnya dalam bidang Pendidikan Islam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan beramah mesra bersama graduan yang diraikan pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14, Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

>> Muka 3

Pelantikan keahlian Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi pelantikan keahlian Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang baharu seperti berikut.

Yang Di-Pertua : Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran

Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar (Lantikan Rasmi Kerana Jawatan - Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara).

Naib Yang Di-Pertua : Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (Lantikan Rasmi Kerana Jawatan - Mufti Kerajaan).

Ahli-ahli : Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejai Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof, Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Md. Said dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Áwang Mohd. Yusof.

Setiausaha : Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali selaku Pemangku Grand Chamberlain.

Tarikh lantikan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja ini berkuat kuasa mulai hari Khamis, 19 Jamadilawal 1446 bersamaan dengan 21 November 2024.

pembayaran zakat harta secara dalam talian (*online*) yang baru dilancarkan oleh Datastream Digital Sendirian Berhad (DST), hari ini.

Platform eZakat Harta Wang Simpanan adalah sebahagian daripada inisiatif

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) berganding bahu bersama DST dalam meningkatkan kesedaran e-Perkhidmatan kepada orang ramai dalam mencapai strategik Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Perkhidmatan eZakat terbuka kepada umat Islam di NBD dan tiada pendaftaran diperlukan. Pengguna hanya perlu mengisi segala maklumat yang diperlukan di dalam perkhidmatan eZakat melalui laman sesawang ezakat.dst.com.bn.

>> Muka 8

Perkhidmatan eZakat Harta Wang Simpanan dilancarkan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. - Umat Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) kini akan lebih mudah menunaikan ibadah dan kewajipan membayar Zakat Harta Wang Simpanan dengan adanya kemudahan platform



Berita Utama



TINGKATKAN kesedaran, pemahaman tentang AMR

Muka 11



NBD - Kesultanan Oman terus memperkuat hubungan diplomatik

Muka 15



PUPUK kesedaran, perkukuhkan solidariti serantau

Muka 19



RENCANA

LUPUSKAN 'besi buruk' yang menyakitkan mata

Muka 28

Isu kesihatan mental perlu kerjasama erat, empati ke arah perubahan bermakna

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDUILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang berkat ini sempena Simposium Kaunseling PERKAB 2024.

Peramba / saya amat berbesar hati di atas penghormatan yang diberikan untuk hadir dan merasmikan simposium pada pagi ini.

Simposium ini mempertemukan kita semua dengan tujuan yang sama, iaitu untuk memperkuuhkan sokongan kesihatan mental dalam masyarakat. Simposium seumpama ini dapat membuka peluang bagi pengamal kaunseling dan profesional kesihatan mental untuk bertukar pandangan, mewujudkan jaringan kerjasama serta berkongsi pengalaman dan ilmu. Ini adalah masa yang tepat bagi kita untuk mengiktiraf usaha dan dedikasi para pengamal kaunseling yang telah memainkan peranan besar dalam membantu kesejahteraan masyarakat.

Kesihatan mental adalah asas kepada kesejahteraan individu, kestabilan keluarga dan kekuatan komuniti. Namun, isu kesihatan mental sering kali disalahfahamkan dan dikaitkan dengan stigma, menjadikannya sukar bagi mereka yang memerlukan bantuan untuk tampil ke hadapan.

Tema simposium kali ini, 'Daripada Kesedaran Kepada Tindakan : Memobilisasikan Kemahiran Kaunseling di Peringkat Akar Umbi Dalam Menangani Cabaran Kesihatan Mental', adalah sangat tepat pada masanya. Tema ini mengingatkan

kita bahawa usaha dalam menangani isu kesihatan mental tidak harus terhenti pada kesedaran sahaja; tetapi mesti diteruskan dengan tindakan yang konkret, kerjasama yang erat dan empati yang mendalam bagi membawa perubahan yang bermakna.

Kesihatan mental bukan lagi suatu isu yang perlu dibincangkan secara tertutup atau dianggap remeh berbanding kesihatan fizikal. Ia adalah komponen asas dalam kesejahteraan keseluruhan masyarakat. Seperti mana kesihatan fizikal memerlukan sokongan dan infrastruktur, begitu juga kesihatan mental memerlukan rangkaian sokongan komuniti yang kukuh.

Dalam konteks ini, peranan pemimpin akar umbi seperti ketua kampung, penghulu mukim, wakil belia, pemimpin agama dan kaunselor amatlah penting. *Abiskita* merupakan rujukan utama dalam komuniti, di mana perubahan sebenar boleh bermula. Suara *abiskita* membawa pengaruh, tindakan *abiskita* menjadi teladan, dan empati *abiskita* dapat memberikan harapan kepada mereka yang menghadapi cabaran hidup.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semasa Sambutan Majlis Ilmu Tahun 2024 antara lainnya baginda bertitah :

"Adalah menjadi harapan beta, usaha-usaha bersepada daripada pihak kesihatan dan pihak agama akan diteruskan untuk sama-sama menangani isu-isu kesihatan mental. Dalam hal ini, beta gembira mengetahui bahawa usaha-usaha bersepada daripada pihak kesihatan, pihak agama dan pihak Perkhidmatan Awam

dengan sokongan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) telah menjalankan beberapa program, antaranya Jerayawa Kesihatan Mental di Tempat Kerja, di kementerian - kementerian dan jabatan-jabatan yang memfokus kepada pendidikan kesihatan mental dan perspektif Islam dan sains. Beta juga difahamkan pada masa ini salah satu tindakan utama di dalam Pelan Tindakan Kesihatan Mental Negara Brunei Darussalam 2022 - 2025, iaitu Program Latihan Asas Kesihatan Mental Untuk Pemimpin Masyarakat, khusus kepada para imam, ustaz dan da'e, yang menggabungkan ilmu rawatan saintifik dan kerohanian, telah dijalankan secara kerjasama di antara pihak kesihatan dan pihak agama. Pada hemat beta, perkara ini juga, masih perlu dipantau dan difikirkan keberkesanannya, atau jika ada cara lain yang lebih berkenan". Demikianlah titah baginda.

Simposium ini menawarkan peluang yang berharga untuk memperkasa pemimpin akar umbi dengan kemahiran dan pengetahuan yang praktikal. Melalui perbincangan dan bengkel yang diadakan, peramba / saya menggalakkan *abiskita* untuk meneroka strategi praktikal, membina kerjasama yang bermakna dan berkongsi idea yang dapat diaplikasikan dalam komuniti masing-masing. Ini adalah peluang untuk setiap daripada *abiskita* untuk memikirkan cara untuk memperhebatkan inisiatif kesihatan mental, mengenal pasti sumber yang ada dan mewujudkan ruang yang selamat untuk dialog dalam komuniti. Ingatlah bahawa menangani isu kesihatan mental bukanlah tugas yang terletak pada bahu para profesional kesihatan sahaja.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Perasmian Simposium Antarabangsa 2024 anjuran Persatuan Kaunseling Brunei Darussalam (PERKAB) di Institut Perkhidmatan Awam pada Selasa, 12 November 2024.

Pemimpin agama membawa kekuatan iman, ketua kampung menawarkan kepimpinan dan kepercayaan, wakil belia melambangkan ketahanan dan kecekalan, manakala kaunselor menyediakan sokongan dan kepakaran yang amat diperlukan. Bersama-sama, *abiskita* adalah rangkaian pengaruh yang kuat yang mampu mengubah landskap kesihatan mental di Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 16

WAKTU SEMBAHYANG											
NOVEMBER	MASIH	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	SABTU	21	4.38	4.48	6.10	6.34	12.08	3.29	6.03	7.16	
24	AHAD	22	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17	
25	ISNIN	23	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17	
26	SELASA	24	4.39	4.49	6.11	6.35	12.09	3.30	6.04	7.17	
27	RABU	25	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18	
28	KHAMIS	26	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18	
29	JUMAAT	27	4.40	4.50	6.13	6.37	12.10	3.31	6.04	7.18	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
33 °C	33 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pekan Bangar		
33 °C	33 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pekan Tutong		
33 °C	33 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Kuala Belait		
33 °C	33 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
WallahuAlam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

SIDANG PENGARANG 23 NOVEMBER 2024

Lindungi hak kanak-kanak, jaga kebajikan mereka

KANAK-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang amat penting, yang menjadi aset negara dan penyambung nadi pembangunan negara pada masa hadapan. Pada 20 November setiap tahun, kita merayakan Hari Kanak-kanak Sedunia (World Children's Day - WCD) yang ditetapkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 1954. Sambutan tahun ini merupakan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia yang Ke-18 di Negara Brunei Darussalam dengan tema 'Setiap Kanak-kanak Punya Hak' atau 'For every child, every right'.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dalam perutusannya sempena Hari Kanak-kanak Sedunia 2024 berkata, Hari Kanak-kanak Sedunia merupakan peluang bagi kita semua untuk memperjuangkan hak-hak kanak-kanak seperti keselamatan, pendidikan, kesihatan, perlindungan dan bermain, serta meningkatkan kesedaran tentang cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak di sekeliling kita dan juga di seluruh dunia.

Menurut Yang Berhormat, antara usaha negara dalam melindungi hak kanak-kanak ialah melalui Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-kanak di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang menggariskan strategi dan langkah-langkah yang diperlukan untuk mencapai matlamat atau objektif bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak terus dipedulikan dengan adanya kerjasama dan komitmen bersepada semua agensi yang berkepentingan melalui pendekatan Whole of Nation daripada pihak kerajaan, bukan kerajaan dan masyarakat akar umbi, melalui pengukuhan keluarga masing-masing.

Sepertimana ditekankan menerusi Khutbah Jumaat pada minggu ini, anak-anak adalah antara nikmat terbesar kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita yang juga merupakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada ibu bapa. Ia dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menguji hamba-hamba-Nya, apakah dengannya akan menambah ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta mensyukuri nikmat yang telah diberikan, di samping melaksanakan hak dan kewajipan yang Allah Subhanahu Wata'ala tetapkan.

Sebagai ibu bapa, penjaga serta anggota masyarakat, kurniaan nikmat yang besar ini perlulah ditanai dengan sebaiknya kerana mereka selain merupakan aset berharga kepada ibu bapa, juga sebagai aset bangsa dan negara. Islam telah memberikan perhatian yang besar terhadap perlindungan hak anak-anak yang meliputi rohani dan jasmani, intelektual, ahlak, ekonomi dan sebagainya sehingga nanti potensi-potensi mereka dikembangkan secara positif agar menjadi manusia sebagaimana yang dikehendaki Allah Subhanahu Wata'ala yakni menjadikan hamba Allah Subhanahu Wata'ala sekali gus Khalifah di muka bumi. Kanak-kanak adalah aset berharga yang akan menentukan arah tuju dunia pada masa hadapan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan hak mereka dilindungi dan kebajikan mereka terjamin. - Ketua Penyuntingan (Ad)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KUPU SB tonggak pembentuk akhlak, pembekal ilmu anak bangsa

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14, Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.



>> Muka 1

"Di samping menghasilkan graduan, maka yang dihasilkan itu juga hendaklah mampu untuk bersaing dalam pasaran kerja," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14, Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, dari aspek pengurusan dan kesejahteraan warga KUPU SB pula, mereka juga adalah sangat perlu untuk terus diberi perhatian, bagi menjamin suasana pembelajaran yang kondusif dan berkualiti tinggi.

Dalam titah, Kebawah DYMM juga menghargai usaha kepimpinan KUPU SB dalam menyusun strategi pembaharuan dan penambahbaikan di KUPU SB, yang meliputi penyusunan semula hala tuju, menyelaras sistem pengurusan dan pentadbiran, penjenamaan semula dan penubuhan pusat baharu, menyemak kursus dan struktur program serta meneliti keperluan sumber tenaga

manusia.

"Beta juga menyambut baik akan segala usaha pembaikan, kerana pada hemat beta, ini adalah tindakan yang tepat bagi sesebuah Institusi Pengajian Tinggi untuk melakukannya dalam memburu kecemerlangan.

"KUPU SB mesti menjadi pelopor bagi memperkasa pendidikan ugama dan juga jadi peneraju kepada dasar pendidikan patuh syarak.

"Dalam makna, KUPU SB bukan hanya setakat untuk melihat ke dalam dirinya semata-mata, malah juga berhak untuk turut memantau dan menilai, bahkan untuk memberi

pandangan tentang mana-mana amalan atau strategi pendidikan yang memerlukan pembaikan dari segi hukum dan kemasyarakatan," tegas baginda lagi.

Kebawah DYMM turut menekankan, dalam erti kata lain, KUPU SB mempunyai tanggungjawab tersendiri untuk menyuarakan pandangannya melalui Majlis KUPU SB tentang apa-apa juar yang

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

berkaitan dengan pendidikan ugama, selaras dengan tanggungjawabnya yang khusus dalam bidang perguruan ugama.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang menerima ijazah dan

diploma pada hari ini sebagai tanda kejayaan dalam pengajian masing-masing.

Tidak lupa juga baginda bertitah melahirkan penghargaan kepada para ibu bapa, penjaga dan pensyarah atas pengorbanan mereka untuk kejayaan para graduan.



ANTARA yang hadir pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14, Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi (kanan dan bawah kanan).



SEBAHAGIAN graduan yang diraikan pada Majlis Konvokesyen KUPU SB (kiri).

MAJLIS KONVOKESYEN KUPU SB RAIKAN 252 GRADUAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
 Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor
 / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14, Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas (atas dan kiri).

Perguruan Ugama, Sarjana Muda Perguruan Ugama, Diploma Lanjutan dan Diploma pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14.

Terlebih dahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan diteruskan dengan bacaan Asmaul Husna beramai-ramai.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, dijunung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut menjunjung, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan Pemangku Pendaftar KUPU SB, Awang Adi Rani Soffian bin Abdul Rahman.

Perarakan Keberangkatan Canselor KUPU SB, didahului



PARA graduan dan ibu bapa serta ahli keluarga graduan menadah tangan ketika doa selamat dibacakan (kanan dan atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14, Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas (atas dan kiri).

dengan pengusungan Mushaf Al-Quran yang dibawa masuk ke dalam dewan oleh Penulis Mushaf KUPU SB, Awang Mohd. Adi Yusnira bin Haji Johari.

Sejurus itu, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan beramai-ramai.

Majlis kemudian diteruskan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 190 hingga 194 beramai-ramai oleh para graduan Konvokesyen KUPU SB Ke-14.

Inti sari ayat dibacakan oleh Awang Abdul Hadi Nasrullah bin Muhammad Ashraf, manakala bacaan Hadis pula disampaikan oleh Awang Muhammad Aqil Arfan bin Arjune yang mana kedua-duanya adalah Graduan Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dengan Minor

Akhlik dan Tasawuf Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Seterusnya sembah aliu-aluan oleh Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir.

Pada majlis berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan (kanan dan kiri).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14 dan seterusnya menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada para penerima (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).

>> Muka 4

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada seramai 252 graduan mengikut bidang masing-masing iaitu dua graduan dianugerahkan dengan Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama dalam bidang Pendidikan Islam; tiga graduan menerima Ijazah Sarjana Perguruan Ugama dalam bidang Pendidikan Islam; 31 graduan dianugerahkan

Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah, manakala tujuh graduan pula dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah (Pengajaran Bahasa Arab Bagi Penutur Bukan Arab).

Selain itu, tujuh graduan menerima Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab) manakala 87 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dengan Minor tertentu, iaitu Minor Pengajian

Al-Quran dan Al-Sunnah, Akhlak dan Tasawuf Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Bimbingan dan Kaunseling, Dakwah dan Kepimpinan, Inovasi dan Teknologi Pendidikan Islam, Keusahawanan dalam Pendidikan Islam, Kewangan Islam, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pendidikan Keluarga Islam, Pendidikan Khas, Pendidikan Melayu Islam Beraja, Pendidikan Sains Kesihatan dan Minor Usul Fiqh.

Seterusnya, lima graduan dianugerahkan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab); 88 graduan dianugerahkan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam); dan 22 graduan menerima Diploma Pengajian dalam bidang-bidang pengkhususan iaitu Seni Al-Quran, Fiqh Usrah, Kemahiran Jawi dan Kaligrafi dan juga Kitab Turath.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan.

Sebagai satu-satunya kolej universiti yang menawarkan program-program latihan dalam bidang Perguruan Ugama di Negara Brunei Darussalam, KUPU SB bertanggungjawab melahirkan pendidik dan pemimpin yang bertakwa, berwibawa, berakhlaq mulia, berdaya saing, berpengetahuan, berfikiran terbuka, berkemahiran tinggi dan *marketable*.

>> Muka 6



TERPANCAR keceriaan pada wajah para graduan setelah menerima ijazah masing-masing (bawah kanan dan bawah kiri)





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 5

Dalam usaha generasi untuk yang

bukan sahaja siap siaga masa depan dan berkemahiran tinggi, tetapi juga memiliki sikap dan nilai yang meneguhkan

identiti kebruneian dengan pandangan global, KUPU SB akan terus komited dalam membangun dan menyediakan

pendidikan berkualiti yang saksama dan inklusif di semua peringkat, termasuk akses kepada pembelajaran

sepanjang hayat, berpandukan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Falsafah Melayu Islam Beraja.



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14 (atas kiri, bawah kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, salah seorang graduan bergambar ramai bersama keluarganya.



KOMITED TAWARKAN PROGRAM BERKUALITI TINGGI, PENUHI PIAWAIAN ANTARABANGSA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. – Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama telah mendapat pengiktirafan dari AsTEN Teachers Education Quality Assurance Agency (ATQA) untuk tempoh setahun yang mana pencapaian terbaharu ini merupakan satu anjang pencapaian awal yang boleh dibanggakan kerana Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) adalah program perguruan pertama yang diberikan pengiktirafan daripada kalangan sembilan anggota Persatuan Rangkaian Pendidikan Guru Asia Tenggara (AsTEN) lain yang juga menyediakan program perguruan serupa.

Selain itu, pencapaian yang diperoleh ini mencerminkan dedikasi dan kerja keras KUPU SB dalam usaha menawarkan program Pendidikan Ugama yang berkualiti tinggi dan memenuhi piawaian antarabangsa.

Raes KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani menggariskan demikian dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Konvoesyen KUPU SB Ke-14 yang berlangsung pagi tadi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Terdahulu, Ra'es KUPU SB menyembahkan semua program akademik dan struktur program baharu yang ditawarkan oleh KUPU SB telah pun disahkan oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Negara Brunei Darussalam menerusi suratnya yang bertarikh 5 Oktober

2024, sebagai menepati kriteria Kerangka Kelayakan Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Qualification Framework - BDQF) dan telah mula ditawarkan pada Semester 1, Sesi Akademik 2024/2025.

Sembahnya, kualiti akademik bukan sahaja difokuskan kepada program dan kursus yang ditawarkan, tetapi penekanan juga dibuat kepada kualiti tenaga akademik KUPU SB itu sendiri, iaitu dengan menguatkusakan penilaian Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik, Institusi Pengajian Tinggi Awam (SPTA) dengan lebih serius yang memberi fokus kepada kompetensi dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Penerbitan, Konsultasi dan Khidmat Masyarakat.

Sehingga ke hari ini katanya, 64 peratus daripada tenaga akademik KUPU SB telah pun diserapkan ke dalam SPTA dan diharap prestasi peratusan ini akan terus meningkat pada tahun-tahun mendatang.

Dari aspek pengurusan dan pentadbiran sembahnya, KUPU SB telah pun mengemaskinikan visi, misi dan objektifnya sesuai dengan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan berangkat bercemar duli ke Majlis-majlis Konvoesyen KUPU SB yang lalu dan semasa membuat Lawatan-lawatan. Tidak Berjudual ke KUPU SB.

"Pengemaskinian ini sangat perlu bagi memastikan KUPU SB mempunyai hala tuju yang lebih



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan berangkat ke Majlis Konvoesyen KUPU SB Ke-14, Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.

jelas selain dapat membuat perancangan strategik yang lebih terarah pada masa akan datang.

"Dalam memastikan visi, misi dan objektif ini boleh dicapai dengan cekap dan berkesan, KUPU SB telah mengambil langkah menyusun semula struktur organisasi dengan mengagihkan tugas yang lebih efisien dan teratur," terangnya.

Dalam hal ini sembahnya, KUPU SB telah mewujudkan beberapa jawatan Penolong Ra'es yang terdiri daripada Penolong Ra'es (Penyelidikan, Pengantarabangsaan dan Perkhidmatan), Penolong Ra'es

(Hal Ehwal Akademik) dan Penolong Ra'es (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Tujuan ini mewujudkan jawatan-jawatan baharu secara dalaman ini menurut sembahnya, ialah untuk memperkuat struktur kepimpinan dalam organisasi pentadbirannya dengan mengagihkan tugas yang lebih efisien dan teratur," terangnya.



RA'ES KUPU SB dalam sembah alu-aluannya.

(Hal Ehwal Akademik) dan Penolong Ra'es (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

KUPU SB telah melakukan penjenamaan semula beberapa buah pusat, pencantuman beberapa buah fakulti yang sedia ada, dan penubuhan pusat atau unit baharu.

"Inisiatif ini dilakukan adalah untuk menangani masalah pertindihan bidang kepakaran, pembaziran sumber tenaga manusia, masa dan juga kewangan, selain dijangka dapat mengembangkan ilmu pengetahuan baharu di KUPU SB khasnya dan menyumbang kepada pembangunan negara amnya.

Hasil daripada pembaharuan-pembaharuan tersebut ujarnya, pada hari ini, KUPU SB memiliki tiga buah fakulti, tujuh buah Pusat Kecemerlangan Akademik, dan sembilan buah pusat, pejabat, bahagian dan unit pengurusan dan perkhidmatan," sembah beliau lagi.

Sebuah blok akademik baharu yang akan menempatkan semua Fakulti dan Pusat Kecemerlangan Akademik yang dilengkapi dengan keperluan dan fasiliti moden akan dibina di dalam Kampus KUPU SB dan telah pun diluluskan dalam agenda pembangunan Rancangan Kemajuan Negara (RKN)

Ke-12.

Dengan adanya blok itu nanti, sembah beliau, setentunya akan menjadi wahana penting dalam merealisasikan perancangan ke hadapan KUPU SB dan mengangkat lagi imejnya sebagai peneraju perguruan tinggi ugama yang unggul di Negara Brunei Darussalam seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, beliau mewakili seluruh warga KUPU SB, menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat bercemar duli ke Majlis Konvoesyen KUPU SB Ke-14 dan seterusnya berkenan untuk mengurniakan titah serta menganugerahkan ijazah dan diploma kepada para graduan.

Ini tambahnya, adalah satu keberkatan yang amat bermakna dan amat dinanti-nantikan sebagai penyuntik semangat dan inspirasi kepada seluruh warga KUPU SB, khususnya para graduan yang akan menerima ijazah dan diploma mereka.

Memperluaskan rangkaian kerjasama dalam pelbagai bidang

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. – Dalam memperluaskan rangkaian kerjasama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan institusi dan pemegang taruh yang relevan, sejak bulan Mac 2024 yang lalu sehingga sekarang, KUPU SB telah pun menandatangani sebanyak empat Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Institusi Pengajian Tinggi luar negeri termasuklah Hadramout University, Yemen, sebuah universiti Timur Tengah pertama yang berhasrat untuk bekerjasama dengan KUPU SB dalam bidang pengukuhan Bahasa Arab.

Raes KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani semasa menyembahkan sembah alu-aluannya pada Majlis Konvoesyen KUPU SB Ke-14 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa pagi tadi.

Beliau seterusnya menyembahkan sebanyak lima lagi MoU akan dimeterai bersama institusi dari luar negeri pada Majlis Malam Graduan KUPU SB 2024 yang akan diadakan pada malam ini yang

menjadikan jumlah keseluruhan ialah sebanyak 37 MoU yang masih aktif.

"Penandatangan MoU ini telah membuka lembaran kerjasama strategik baharu antara KUPU SB dengan pihak-pihak yang berkenaan khususnya dalam bidang akademik, penyelidikan, pembangunan modal insan, dan membuka peluang besar kepada pelajar dan kakitangan untuk memperkaya pengalaman, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, seterusnya membantu mereka bersedia menghadapi cabaran arus perdana," sembah Ra'es KUPU SB.

Antara aktiviti kerjasama signifikan yang dapat dikongsikan, sembah beliau, ialah penganjuran Persidangan Antarabangsa Psikologi dan Pedagogi 2024, kerjasama dengan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama; penganjuran Persidangan Hari Guru 2024, kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Universiti Brunei Darussalam (UBD); Penerbitan buku berjudul 'Amalan Penjagaan Kesejahteraan Minda dan Emosi: Buku Panduan Doa dan Zikir', kerjasama dengan pihak Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan yang telah sempurna

dilancarkan oleh Kebawah Duli Tuan Patik semasa Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2024; Penganjuran Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024, kerjasama dengan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), dan Islamic Research Centre and Culture (IRCICA), Republik Türkiye; dan Program Rihlah Ilmiah' ke Johor, kerjasama dengan Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.

Raes KUPU SB dalam sembah alu-aluannya juga mengongsikan, KUPU SB telah melancarkan sebuah aplikasi yang dinamakan sebagai 'Meja Bantu KUPU SB' (KUPU SB Help Desk) pada 1 Ogos lalu yang mana aplikasi ini menyediakan perkhidmatan sokongan bagi seluruh warga KUPU SB yang terdiri daripada pegawai, kakitangan, tenaga akademik dan pelajar untuk menyampaikan aduan dan cadangan berkaitan dengan perkhidmatan, fasiliti, logistik dan isu-isu yang berkaitan dengan pengalaman pengajian secara dalam talian.

Dari aspek pengukuhan struktur akademik, jelasnya

173 PELAJAR SEKOLAH RENDAH YSHHB DIRAIKAN



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berangkat ke Majlis Konvokesyen dan Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik Tahun 6 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. – Seramai 173 pelajar hari ini diraikan pada Majlis Konvokesyen dan Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik Tahun 6 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Juga turut diraikan ialah 12 tenaga pengajar Tahun 6 yang sentiasa berusaha dengan gigih dan memberi motivasi kepada pelajar sepanjang pembelajaran mereka.

Majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah YSHHB berkenaan diselanjurkan dengan penyampaian hadiah dan sijil.

Berangkat ke majlis berkenaan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki



ANTARA yang diraikan pada Majlis Konvokesyen berkenaan ialah cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah, Yang Mulia Pengiran Muhammad Abdul Haadee Mubasheer bin Pengiran Anak Abdul Badee'.

pencapaian tahun ini adalah pada tahap cemerlang," ujarnya lagi.

Dayang Hajah Mariam seterusnya berkata, Majlis Konvokesyen dan Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik Tahun 6 Sekolah Rendah YSHHB 2024 dianjurkan setiap tahun adalah untuk menghargai usaha dan kegigihan pelajar setelah menjalani pembelajaran mereka di sekolah ini dari Tahun 1 hingga Tahun 6.

Terdapat empat kategori disampaikan hari ini, iaitu Hadiah Penghargaan kepada semua 173 pelajar Penilaian Sekolah Rendah (PSR), Hadiah dan Sijil Pelajar Terbaik Top 3, Hadiah dan Sijil Pelajar Terbaik Keseluruhan Tahun 6 dan Hadiah dan Sijil Special Progressive Award.

Selain itu, seramai 12 guru menerima Sijil Penghargaan Guru-guru Tahun 6 yang mengajar pelajaran PSR.

Pada tahun ini untuk memastikan pencapaian akademik yang cemerlang seperti lazimnya strategi-strategi yang diamalkan ialah penggunaan data, intervensi oleh *learning support centre* bagi pelajar yang berisiko tinggi, kelas-kelas intervensi yang intensif diadakan sebelah tengah hari, *team teaching* Matematik diadakan setiap Jumaat, memantau kedatangan pelajar dan yang mempunyai masalah motivasi, tingkah laku dan lain-lain lagi.

Perkhidmatan eZakat Harta Wang Simpanan dilancarkan



>> Muka 1

Pembayaran zakat melalui eZakat boleh dibuat pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja menggunakan Easi, Mobi atau kad debit. Adalah perlu bagi pembayar Zakat memastikan mempunyai baki yang mencukupi.

Majlis Pelancaran eZakat Harta Wang Simpanan berkenaan disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udan Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir sama bagi memeriahkan dan menyaksikan Majlis Pelancaran berkenaan ialah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Pelancaran eZakat Harta Wang Simpanan dan seterusnya bergambar ramai (kiri dan atas).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal.

Majlis Ugama Islam pada mesyuaratnya Kali Ke-5 Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung pada Isnin, 3 Zulhijah 1445 bersamaan 10 Jun 2024 telah menimbangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 11/2024 iaitu Pelaksanaan Perkhidmatan Pembayaran Zakat Harta Secara Dalam Talian bagi DST dan mengambil keputusan bersetuju agar perkhidmatan pembayaran Zakat Harta secara dalam talian bagi DST untuk dilaksanakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan mengenainya.

MUIB merupakan sebuah pertubuhan yang tertinggi di negara ini yang mempunyai bidang kuasa dalam pengurusan dan pengendalian kutipan dan agihan wang zakat, sebagaimana yang termaktub dalam Akta

Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah Kadi Penggal 77, Pindaan 1984.

Mengikut data kutipan zakat bermula Januari hingga Ogos Tahun 2024, sejumlah BND19,646,467.79 berjaya dikutip dari Zakat Harta termasuk Zakat Perniagaan dan Wang Simpanan.

Hasil kutipan zakat akan diagih-agihkan kepada asnaf zakat yang berhak di negara ini yang terdiri daripada asnaf fakir, miskin, mualaf, amil, Al-Gharimin dan Ibnu Sabil melalui skim-skim agihan yang ada.

Pada masa ini, seramai 3,399 orang terdiri daripada 1,197 ketua keluarga dan 2,202 orang tanggungan telah disokong oleh Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat (JMZ) pada 2024 dan didaftarkan sebagai asnaf fakir miskin di bawah MUIB. Sepanjang Januari hingga

Oktober 2024 ini, sejumlah BND5.5 juta telah diluluskan oleh pihak JMZ untuk dihulurkan kepada penerima asnaf fakir miskin melalui Skim Agihan Bantuan Bulanan dan Asasi, manakala sejumlah BND1.82 juta diluluskan untuk diagihkan melalui Skim Agihan Persekutuan dan Skim Agihan Institusi Pengajian Tinggi kepada tanggungan asnaf yang masih dalam persekolahan.

Dalam pada itu, sejumlah BND1.68 juta diluluskan bagi komitmen di bawah Skim Agihan Sewa Rumah mengikut tempoh yang ditetapkan.

Dengan pelancaran berkenaan, adalah diharapkan ia akan lebih memudahkan umat Islam di negara ini yang memenuhi syarat dalam menunaikan kewajipan mereka berzakat secara dalam talian, di samping perkhidmatan kutipan zakat yang sedia ada melalui kaunter-kaunter kutipan zakat dan institusi amil yang dilantik di negara ini.

KUPU SB TINGKATKAN KERJASAMA BERSAMA IPT LUAR NEGARA



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. – Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Majlis Malam Graduan sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 bertempat di Tarindak D'Seni, Jalan Residency.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah dan hadiah akademik, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman. Begitu juga dengan penyampaian sijil kepada para penaja dan penyumbang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Asmaul Husna, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai. Kemudian,

majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Kesukuran, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Penolong Ra'es (Hal Ehwal Akademik), KUPU SB, Dr. Hajah Norwati binti Haji Abu Bakar yang juga selaku Pengurus Majlis Malam Graduan berkenaan.

Dr. Hajah Norwati dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan, seramai 16 menerima Anugerah Dekan, lima orang menerima Anugerah Dekan Bidang Pendidikan dan empat orang menerima Anugerah Dekan Dalam Bidang Kokurikulum dan Kurikulum Tambahan.

"Dengan penganugerahan ini diharap akan menjadi penyuntik semangat dan motivasi kepada para penerima anugerah yang berkenaan agar terus melakar kejayaan dalam kehidupan dan kerjaya masa depan, serta terus

menyumbang kepada kemajuan ilmu, ugama, masyarakat dan negara.

"Di samping itu, diharap penganugerahan ini akan menjadi inspirasi dan menjadi contoh teladan kepada rakan-rakan mereka yang lain," tambahnya.

Pada majlis berkenaan, KUPU SB mengorak langkah mencapai kecemerlangan dalam bidang pengajaran dan penyelidikan, melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan lima buah Institusi Pengajian Tinggi luar negara, iaitu Universitas Al-Falah Sunniyah, Kencong Jember, Indonesia; Universitas Islam Negeri Alauddin, Makassar Indonesia; Institut Agama Islam Bakti Negara, Tegal Indonesia; Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Malaysia; dan Kolej Universiti Darul Quran Islamiyyah, Terengganu, Malaysia.

Menandatangani perjanjian bagi pihak KUPU SB, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, dengan disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Penandatanganan berkenaan merupakan salah satu bentuk respons bagi meningkatkan lagi kerjasama dan perkongsian pengalaman terbaik di antara KUPU SB dengan IPT serantau.

Bidang kerjasama berkenaan meliputi pertukaran pelajar dan kakitangan, pertukaran penerbitan, program kerjasama penyelidikan juga pengajaran dan kerjasama dalam mana-mana bidang yang memberikan manfaat kepada dua-dua belah pihak.

Seterusnya, majlis diserikan lagi dengan pelancaran buku bertajuk 'Shariah Wealth and Financial Management' terbitan KUPU SB



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah dan hadiah akademik kepada penerima (atas). Manakala gambar atas kiri, pelancaran buku bertajuk 'Shariah Wealth and Financial Management' terbitan KUPU SB.

hasil tulisan Dr. Shahizan Haji Md. Noh; Profesor Madya Dr. Abdul Nasir Haji Abdul Rani; dan Profesor Madya Dr. Hakimah Haji Yaacob.

Buku yang mengandungi 10 bab berkenaan mengutarkan kepentingan pengurusan kewangan yang baik dan holistik dalam merapatkan hubungan antara tingkah laku kewangan dengan kesejahteraan kewangan masyarakat.

Gabungan perancangan kewangan dengan prinsip kewangan Islam menyediakan pendekatan yang bermakna dan seimbang, selaras dengan Maqasid Al-Syariah.

Dengan memenuhi keperluan berkenaan, kesejahteraan kewangan dapat memberi manfaat kepada kehidupan dunia dan

akhirat.

Penerimaan Sumbangan Wakaf Tarbiyah Graduan Konvokesyen KUPU SB Ke-14 juga mengambil tempat di majlis berkenaan. Wakaf Tarbiyah daripada para graduan berkenaan secara tidak langsung merupakan satu manifestasi dan simbol penghargaan para graduan kepada KUPU SB amnya dan para staf akademik KUPU SB khasnya atas sumbangan khidmat yang diberikan semasa pengajian mereka.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Majlis KUPU SB, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan KUPU SB di samping para graduan Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14.

IHP Oktober 2024 catat penurunan

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik


Laman sesawang: deps.mofe.gov.bn
E-mel: info.statistics@jpes.gov.bn
Instagram: @statistics.jpes



جایان فرانجفن ایکوئومی دان ستاتیسٹیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
BRUNEI DARUSSALAM

INDEKS HARGA PENGGUNA

OKTOBER 2024



ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERaan AWDA TERBABA

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat



Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan Oktober 2024 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.

KOMITMEN BERSAMA DALAM KESELAMATAN SERANTAU, ANTARABANGSA

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

VIENTIANE, Khamis, 21 November. - Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Plus Ke-11 (11th ADMM-Plus) telah diadakan dengan jayanya di Pusat Konvensyen Nasional, Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao (Lao PDR).

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Nasional Lao PDR, Tuan Yang Terutama Jeneral Chansamone Chanyalath dan dihadiri oleh Menteri-menteri Pertahanan serta wakil dari Negara-negara Ahli ADMM-Plus, Sekretariat ASEAN serta Timor-Leste sebagai pemerhati ADMM, ADMM-Plus dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan.

Menyuarat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof mengetuai Delegasi Negara Brunei Darussalam ke ADMM-Plus Ke-11.

Juga dalam rombongan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, selaku Ketua Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Pertahanan ASEAN-Plus (ADSOM-Plus) bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Lao

PDR, Tuan Yang Terutama Haji Roslan bin Haji Yacub serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan.

ADMM-Plus Ke-11 mendengarkan laporan dari Sekretariat ASEAN mengenai perkembangan terkini di dalam ASEAN.

Mesyuarat juga bertukar-tukar pandangan mengenai persekitaran keselamatan serantau dan antarabangsa, di mana anggota-anggota ADMM-Plus mengulangi komitmen mereka terhadap keamanan dan kestabilan, serta mengakui peranan penting ASEAN dalam menguatkan perpaduan, kerjasama praktikal dan multilateralisme.

Mesyuarat berkenaan juga menerima pakai Kenyataan Bersama Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-Plus mengenai Resilience to Climate-Related and Other Natural Disasters, Including Through Best Practices Exchange and Capacity Building.

Di samping Mesyuarat ADMM-Plus Ke-11, Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-China telah diadakan dan dipengerusikan bersama oleh Tuan Yang Terutama Jeneral Chansamone Chanyalath dan Menteri Pertahanan Nasional Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Laksamana Dong Jun.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II mengetuai Delegasi Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Plus Ke-11 (11th ADMM-Plus).

Ini diikuti oleh Majlis Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Dialog ASEAN-Australia dan Majlis Perayaan Ulang Tahun Ke-35 Hubungan Dialog ASEAN-Republik Korea.

Upacara penyerahan jawatan Pengurus ADMM dari Lao PDR kepada Malaysia secara rasmi menandakan berakhirnya Pengurusan ADMM oleh Lao PDR bagi Tahun 2024.

Malaysia akan mengambil alih peranan sebagai Pengurus ADMM dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan untuk tahun 2025

dengan ADMM Retreat, ADMM Ke-19 dan ADMM-Plus Ke-12 dijadualkan berlangsung masing-masing pada bulan Februari dan November 2025.

Tema semasa Malaysia mempergerusikan ADMM dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan adalah 'Perpaduan ASEAN untuk Keselamatan dan Kemakmuran'.

27 kes kecurian kabel dilaporkan

Siaran Akbar : Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 November. – Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) menyeru perhatian orang ramai mengenai akibat serius gangguan telekomunikasi yang disebabkan oleh kecurian kabel.

Jenayah ini melangkaui kesulitan semata-mata, menimbulkan risiko besar kepada keselamatan awam, mengganggu operasi kritikal dan transaksi kewangan serta memberi kesan kepada aktiviti harian.

Sehingga November 2024, sebanyak 27 kes kecurian kabel telah dilaporkan, mengakibatkan kerosakan dan kerugian kewangan yang besar untuk UNN, sebagai pembekal borong infrastruktur rangkaian telekomunikasi di negara ini.

Kecurian ini telah mengganggu ketersambungan untuk rumah dan perniagaan, termasuk sektor penting seperti perbankan dan perkhidmatan keselamatan, menjadikan keselamatan dan kemudahan awam.

Sehingga kini, UNN telah merekodkan 244 kes kecurian atau kerosakan infrastruktur yang mengakibatkan lebih 8,000 jam perkhidmatan terputus (1,044 jam pada 2024 sahaja) dan kos pembaikan melebihi BND1 juta.

AITI dan UNN menekankan keperluan mendesak untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang akibat kritikal gangguan tersebut. Peningkatan pemahaman dan kewaspadaan boleh mendorong tindakan kolektif ke arah memperkuuh daya tahan infrastruktur dan memastikan ketersambungan tanpa gangguan untuk semua komuniti.

Pihak AITI ingin mengingatkan orang ramai mengenai undang-undang yang ditetapkan untuk melindungi infrastruktur telekomunikasi di negara ini.

Di bawah Bab 49(1) Perintah Telekomunikasi, 2001, mana-mana orang dengan sengaja memindahkan, membina-sakan atau merosakkan sebarang pemasangan atau loji yang digunakan untuk telekomunikasi adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan boleh dikenakan suatu denda yang tidak melebihi daripada BND50,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi daripada tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Jika kerosakan disebabkan oleh kerja tanah, merosakkan atau membiarkan sebarang kabel suatu sistem telekomunikasi dirosakkan, yang dipunyai oleh atau di bawah pengurusan atau kawalan pemegang lesen sistem telekomunikasi adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan boleh dikenakan suatu denda yang tidak melebihi daripada BND1 juta, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi daripada lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, Perintah Kanun Hukuman Jenayah (Pindaan), 2021 diperkenalkan untuk terus melindungi infrastruktur tersebut daripada kecurian, kerosakan dan aktiviti lain, yang menyebabkan gangguan pada perkhidmatan utama. Kesalahan tersebut, akan membawa hukuman minimum tiga tahun penjara dan empat kali sebatan; dan hukuman maksimum 10 tahun penjara dan 12 kali sebatan.

AITI dan UNN menggesa orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan berkaitan kecurian kabel kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menerusi Talian 993.

Melindungi infrastruktur telekomunikasi adalah penting untuk mengekalkan ketersambungan yang lancar, memastikan keselamatan awam dan menyokong perkhidmatan kritis negara.

Mendukung usaha membangunkan, mempelbagaikan ekonomi negara



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bergambar ramai pada Sesi Dialog Eksekutif berkaitan.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Institut Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. - Institut Perkhidmatan Awam (IPA) menjalankan Program-program Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) iaitu Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kohort-31, Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kohort-35 dan Program Eksekutif Muda (YEP) Kohort-9 pada tahun ini.

Program-program tersebut diikuti oleh seramai 78 pegawai dari kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan. Salah satu modul program-program kepimpinan berkenaan ialah Sesi Dialog Eksekutif bersama dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang

diadakan baru-baru ini di Dewan Isyraq, IPA, di sini.

Turut hadir pada Sesi Dialog tersebut ialah pegawai-pegawai kanan dari JPM dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi di mana Sesi Dialog tersebut membincangkan mengenai tajuk, 'Economic Blueprint : Empowering Growth Through Technology and Innovation' yang antara lain mengongsikan mengenai status ekonomi Negara Brunei Darussalam dan juga hala tuju ke arah memajukan ekonomi negara bagi mencapai Matlamat 3 Wawasan Brunei 2035 untuk menjadi 'Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan'.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II antara lain juga mengongsikan mengenai keadaan ekonomi negara secara am dan status perkembangan sektor-sektor keutamaan negara. Yang

Berhormat juga menyentuh mengenai peranan teknologi dan inovasi di dalam usaha pembangunan dan mempelbagaikan ekonomi negara.

Selain itu, Yang Berhormat turut mengongsikan inisiatif-inisiatif yang sedang dijalankan dan juga perancangan masa depan ke arah membangunkan ekonomi. Status pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) juga dimuatkan di dalam Sesi Dialog tersebut.

Sesi Dialog interaktif tersebut telah mampu memberikan pandangan menyeluruh kegiatan terkini dalam perkembangan ekonomi negara dan dapat menyuntik semangat peserta untuk terus sama-sama mendukung dan merealisasikan 'Economic Blueprint' negara khususnya untuk memperkuuhkan keupayaan pemimpin-pemimpin masa depan bagi memenuhi keperluan orang ramai yang sentiasa berubah terutamanya pada zaman digital yang pesat berkembang maju.

MESYUARAT ADMM KE-18 DI REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) Ke-18 diadakan di Pusat Konvensyen Nasional, Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao (Lao PDR) (atas dan atas kanan).

VIENTIANE, Rabu, 20 November. - Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) Ke-18 telah diadakan di Pusat Konvensyen Nasional, Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao (Lao PDR).

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Nasional Lao PDR, Tuan Yang Terutama Jeneral

Chansamone Chanyalath, dalam kapasiti beliau selaku Pengurus ADMM bagi Tahun 2024.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut serta dalam rombongan

ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin bersama dengan pegawai - pegawai dari Kementerian Pertahanan.

Juga hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Haji Roslan bin Haji

Yacub.

Mesyuarat ADMM Ke-18, diadakan di bawah tema 'Bersama untuk Keamanan, Keselamatan dan Ketahanan', menyaksikan penerimaan pelbagai hasil, termasuk penerimaan Protokol Pemerhati bagi ADMM-Plus EWGs dan kelulusan A Future Ready ADMM and ADMM-Plus : Strategy Paper, yang ditarung bersama oleh NBD dan Republik Singapura.

Antara pencapaian utama mesyuarat ini adalah penerimaan Deklarasi Bersama Vientiane mengenai Bersama untuk

Keamanan, Keselamatan dan Ketahanan.

Di samping ADMM Ke-18, satu acara berasingan juga diadakan, iaitu Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-Amerika Syarikat.

NBD juga mengadakan mesyuarat dua hala dengan Republik Demokratik Rakyat Lao, Pengurus ADMM Ke-18.

Republik Demokratik Rakyat Lao juga akan mempergerusikan Mesyuarat ADMM-Plus Ke-11 pada keesokan hari, 21 November 2024.

Tingkatkan kesedaran, pemahaman tentang AMR

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dalam perutusan menjelaskan Rintangan Antimikrob (AMR) ialah situasi kesihatan awam yang kritikal di mana jangkitan-jangkitan tidak lagi memberi tindak balas kepada rawatan antimikrob.

Hal ini sudah pun terjadi dalam semua jenis mikroorganisma, termasuk bakteria, virus, kulat dan parasit dan berlaku pada kadar yang pantas. Mengambil kira akan perkara tersebut, Yang Berhormat Menteri-menteri menjelaskan, AMR menjadi satu cabaran yang kompleks kepada keseluruhan pembangunan mampun sejagat yang menjelaskan bukan sahaja kemajuan semasa dari segi kesihatan manusia, malahan juga sektor lain seperti kesejahteraan dan keselamatan makanan, pembangunan ekonomi, ekuiti dan keadaan persekitaran juga turut terdedah.

"Pada tahun 2024, satu kajian penilaian komprehensif kali pertama telah dilaksanakan terhadap beban sejagat AMR dari tahun 1990 sehingga tahun 2021, iaitu, *Global burden of bacterial antimicrobial resistance 1990-2021: a systematic analysis with forecasts to 2050* telah mengkaji 22 patogen, 84 kombinasi patogen-ubat antimikrob (*pathogen-drug combinations*) dan 11 *infectious syndromes* di sebanyak 204 negara dan wilayah.

Sambutan ini juga tambah Yang Berhormat Menteri-menteri, menggariskan kepentingan meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang AMR dan mempromosikan amalan terbaik dalam kalangan pemegang kepentingan One Health untuk mengurangkan kemunculan dan penyebaran AMR atau jangkitan tahan dadah (*drug-resistant*

infections).

Menurut Yang Berhormat Menteri-menteri lagi, Kempen Minggu Kesedaran AMR Sedunia pada tahun ini telah pun mengikuti Mesyuarat Peringkat Tinggi mengenai AMR pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2024 pada September 2024. Ini mengesahkan satu komitmen global dalam menangani AMR dengan pendekatan pelbagai sektor memandangkan AMR terus merebak dan mengancam semua peringkat merentas kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan serta Sektor Alam Sekitar.

"Negara Brunei Darussalam pula telah menyertai gerakan sejagat secara aktif untuk menangani AMR di peringkat kebangsaan. Pendekatan Satu Kesihatan atau One Health, melalui pembentukan Jawatankuasa AMR Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam AMR Committee - BDAMRC) pada tahun 2018, kini, terdiri daripada keahlian kerjasama Quadripartite iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Kementerian Pembangunan.

"Sejajar dengan Pelan Tindakan Global untuk AMR, BDAMRC telah mengesahkan Pelan Tindakan Kebangsaan (NAP) pertamanya untuk AMR pada tahun 2019. Negara Brunei Darussalam tidak bersendirian dalam cabaran pelaksanaan tindakan dalam menangani AMR. Pada tahun 2023, hanya sebanyak 27 peratus negara di seluruh dunia melaporkan telah melaksanakan pelan tindakan kebangsaan mereka dengan berkesan. Kini BDAMRC bergerak ke hadapan dalam merangka NAP seterusnya,

dan ini adalah tepat pada masanya dan apa yang menggalakkan lagi ialah pada tahun ini, semua organisasi Ahli Quadripartite kini telah menerbitkan keutamaan khusus dan tindakan khusus sektor



SAMBUTAN Minggu Kesedaran AMR Sedunia 2024 pada tahun ini bertemakan 'Mendidik. Menyokong. Bertindak Sekarang' (Educate. Advocate. Act Now.)

(sector-specific). Ini membolehkan pendekatan yang lebih selaras dan saling melengkapi untuk menyesuaikan keutamaan dan tindakan yang berkaitan dalam menangani AMR," ujar Yang Berhormat Menteri-menteri.

Kempen yang dianjurkan oleh BDAMRC dijadikan sebagai satu platform untuk mendidik dan memberi pembangunan selaras dengan tema pada tahun ini, 'Mendidik. Menyokong. Bertindak Sekarang', dengan prinsip keselamatan kesihatan sejagat 'Cegah, Kesan dan Tindak Balas'.

Kempen ini, tambah Yang Berhormat Menteri-menteri mengambil peluang untuk berinteraksi dengan orang awam dan pihak berkepentingan dalam memberikan kefahaman mengenai AMR dan isu-isu sehubungan dengannya. Kempen ini juga akan

mengadakan wawancara melalui televisyen dan radio, penyiaran pesanan kesihatan awam pelbagai sektor dalam pendekatan One Health melalui platform media sosial rasmi dan mengadakan jeryawara untuk pengalaman lengkap dengan peluang interaksi antara pihak berkepentingan dan orang ramai.

Sebelum mengakhiri perutusan, Yang Berhormat Menteri-menteri menyatakan tindakan berterusan perlu dilaksanakan dan diteruskan di semua peringkat dan merentasi sektor, sejajar dengan saranan dan sasaran global dan serantau sebagai satu pelaburan yang memberi kesan yang positif untuk masa depan kita.

Bersama-sama kita semua mendidik, menyokong dan bertindak sekarang untuk menangani AMR.

MANFAATKAN KEMAJUAN TEKNOLOGI DALAM PENJAGAAN KESIHATAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Khamis, 21 November. - Seluruh dunia kini sedang beralih kepada revolusi industri keempat, di mana pengembangan digitalisasi dengan kemajuan dalam teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI), analitik data besar dan Internet of Things (IoT) sedang merevolusikan infrastruktur penjagaan kesihatan, termasuk sektor makmal klinikal.

Pandemik COVID-19 telah mempercepatkan lagi transformasi ini, menekankan akan pentingnya peranan perubatan makmal dalam mendiagnosis, memantau, dan mengawal penyakit berjangkit.

Selain itu, dengan permintaan penjagaan kesihatan yang semakin berubah, seperti peningkatan penyakit tidak berjangkit dan demografi yang semakin tua, kaedah diagnostik baru yang sejajar dengan penggunaan teknologi pintar ini telah mengubah landskap di mana kita beroperasi.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa menyampaikan ucapannya

selaku tetamu kehormat pada Persidangan Persatuan Sains Makmal Klinikal ASEAN (ACCLS) Ke-18 yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei, Jerudong, di sini.

Ini adalah penting kerana kita memerlukan diagnostik yang lebih pantas dengan keputusan yang tepat dan berkualiti untuk campur tangan dan rawatan yang lebih baik, jelas Yang Berhormat lagi.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan persidangan berkenaan yang bertemakan 'Landscape Penjagaan Kesihatan Masa Hadapan' adalah sangat relevan dan tepat pada masanya ketika kita menghadapi perubahan pesat dalam bidang penjagaan kesihatan.

Yang Berhormat kemudiannya menerangkan di Negara Brunei Darussalam, kita sangat bertuah kerana mempunyai sistem penjagaan kesihatan progresif yang mengutamakan inovasi dan penjagaan berfokuskan pesakit.

"Pelaburan strategik Kementerian Kesihatan Brunei dalam alat diagnostik generasi seterusnya, analitik data, dan sistem kesihatan digital adalah penting untuk membolehkan

Brunei menyediakan penjagaan kesihatan yang memenuhi piawaian antarabangsa.

"Pada tahun-tahun akan datang, penggabungan alat-alat ini dengan kecerdasan buatan akan membolehkan kita menawarkan rawatan yang disesuaikan berdasarkan profil genetik pesakit, memantau perkembangan penyakit secara masa nyata, dan bahkan meramalkan hasil kesihatan, mengalihkan fokus kita dari rawatan kepada pencegahan," terang Yang Berhormat lagi.

Ujian di tempat penjagaan (POCT), ujar Yang Berhormat, adalah satu lagi bidang yang menjanjikan dalam mengubah cara penjagaan kesihatan disampaikan.

Dengan membawa ujian lebih dekat kepada pesakit, kita dapat mempercepatkan diagnosis dan rawatan, terutamanya di kawasan terpencil dan yang kurang mendapat perkhidmatan, jelas Yang Berhormat.

"Seiring dengan kemajuan teknologi, kita boleh menjangkakan alat POCT yang lebih canggih yang dapat melakukan ujian kompleks seperti pengesanan kanser dan penyakit berjangkit dengan keperluan sampel yang minima.

"Namun, dalam kita menyambut kemajuan teknologi ini, kita juga perlu menangani implikasi etika, kebimbangan privasi data, dan cabaran peraturan yang mungkin timbul.

"Kita perlu memastikan keseimbangan antara inovasi dan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab," tegas Yang Berhormat.

Ketika kita membayangkan masa depan perubatan makmal di ASEAN, Yang Berhormat menjelaskan, adalah penting untuk mengiktiraf peranan Perkongsian Awam-Swasta (PPP) dalam mempercepatkan pembangunan dan penggunaan penyelesaian makmal yang inovatif.

PPP menggabungkan kepakaran, sumber daya, dan kecekapan sektor swasta serta institusi akademik dengan visi strategik sektor awam, terang Yang Berhormat lagi.

"Di Brunei, inisiatif PPP selaras dengan pelan pembangunan jangka panjang Brunei, iaitu Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam mencapai matlamat meningkatkan kualiti kehidupan, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, dan menyediakan perkhidmatan awam yang efisien. "Saya ingin mengambil peluang



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada majlis berkenaan.

ini untuk menggalakkan syarikat tempatan kita untuk aktif meneroka PPP dalam mempertingkatkan bukan sahaja perkhidmatan makmal tetapi juga perkhidmatan penjagaan kesihatan secara keseluruhan.

"Dengan memanfaatkan kekuatan kedua-dua sektor awam dan swasta, PPP mempunyai potensi untuk meningkatkan kualiti, kecekapan, dan aksesibiliti perkhidmatan kesihatan, yang akhirnya akan memberi manfaat kepada komuniti kita dan memacu kemakmuran ekonomi," ujar Yang Berhormat.

Teroka perkembangan terkini dalam sains makmal perubatan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Persidangan Sains Makmal Klinikal ASEAN (ACCLS) Ke-18 (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, antara yang menyampaikan ucapan.

JERUDONG, Khamis, 21 November. - Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi tuan rumah bagi Persidangan Sains Makmal Klinikal ASEAN (ACCLS) Ke-18 yang dikelolak bersama Persatuan Sains Makmal Klinikal ASEAN (AACLS), Persatuan Saintis Makmal Perubatan Brunei Darussalam (BAMLS) dan juga Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, bertempat di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan persidangan berkenaan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin

Haji Jaafar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Perkhidmatan Makmal merangkap Yang Dipertua BAMLS, Dr. Hajah Surita binti Haji Mohd Taib, selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Dr. Hajah Surita dalam ucapannya antara lain menjelaskan seramai 294 peserta telah mendaftar pada persidangan berkenaan, yang terdiri daripada 234 adalah warga tempatan dan 39 dari luar negara.

"Perubatan makmal sedang berkembang pesat dalam bidang perubatan. Oleh itu, objektif utama persidangan ini adalah untuk mendapatkan maklumat terkini dan mengikuti perkembangan terbaru dalam teknologi baharu serta penemuan penyelidikan saintifik dalam sains makmal perubatan.

"Kemajuan yang telah banyak meningkatkan amalan dalam perubatan makmal, diagnosis penyakit, rawatan dan pengurusan, yang seterusnya meningkatkan hasil pesakit dan kualiti hidup," tambahnya lagi.

Manakala Presiden AACLS, Dr. Miswar Fattah dalam ucapannya menekankan para peserta persidangan perlu memanfaatkan peluang yang ada untuk bertukar

idea, membina kerjasama yang kukuh, dan membuka jalan ke arah masa depan di mana sains makmal klinikal menjadi asas kepada inovasi dalam penjagaan kesihatan.

Bersama-sama, kita dapat mencipta masa depan yang lebih sihat dan cerah, tambahnya.

Tema ACCLS Ke-18 adalah Perubatan Makmal dalam Landskap Penjagaan Kesihatan Masa Hadapan (Laboratory Medicine in Tomorrow's Healthcare Landscape).

Tema ini diketengahkan kerana bersesuaian di dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang kita hadapi dengan pelbagai cabaran dan peluang terbaik dalam mengharungi perkembangan teknologi.

Gabungan teknologi siber dan automasi ini banyak dipengaruhi oleh persekitaran baharu termasuk pandemik COVID-19, di mana beberapa trend kemajuan khususnya kemajuan Kecerdasan Buatan (AI), proses automasi robot (RPA) serta keupayaan pembelajaran mesin (*machine learning*) pesat dibina tambah untuk memberi kemudahan kepada pengguna dan dalam industri.

Perkhidmatan makmal perlu berkualiti, berdaya tahan, mempunyai sumber tenaga yang mencukupi, berupaya dan berkemahiran dan dilengkapsan dengan kelengkapan terkini bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah tepat, boleh dipercayai dan memenuhi jangka masa yang ditetapkan dengan memberi keputusan makmal yang tepat, berkualiti dan menepati masa.

Objektif persidangan adalah untuk menyatukan pakar atau penyelidik yang tersohor dalam pelbagai disiplin skop sains makmal perubatan, selain untuk menyediakan platform untuk meningkatkan pengetahuan peserta dengan ilmu dan kemahiran dalam bidang sains makmal perubatan terkini bagi mendukung Wawasan



Brunei 2035 serta pelan strategik Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Makmal.

Ia juga diadakan untuk berkongsi idea dan maklumat-maklumat terkini dengan pakar-pakar mengenai perkembangan khidmat diagnostik makmal perubatan serta berkongsi amalan terbaik berdasarkan penanda aras antara institusi dalam dan luar negara.

Selain untuk memantapkan kemahiran sumber tenaga manusia dalam perkhidmatan sains makmal perubatan, ia juga adalah untuk memberi peluang kepada ahli-ahli kesihatan bersekutu, profesional kesihatan dan pelajar-pelajar universiti untuk menunjukkan pencapaian penyelidikan saintifik mereka melalui pembentangan poster.

Persidangan juga antara lain bertujuan untuk memberi peluang kepada agensi lain dalam bidang yang sebanding untuk menyertai bengkel-bengkel yang bersesuaian, selain memberi peluang kepada pembekal-pembekal perubatan untuk mempromosi produk-produk terkini yang bersesuaian.

Persidangan dimuatkan dengan ceramah perdana,

ceramah-ceramah saintifik, bengkel dan pembentangan kertas kerja saintifik.

Penyampai ceramah dan moderator terdiri daripada penceramah-penceramah undangan dari luar negara, pegawai-pegawai perubatan tempatan, pensyarah-pensyarah Universiti Brunei Darussalam, pegawai-pegawai saintifik tempatan dari Jabatan Perkhidmatan Makmal dan ahli-ahli kaunsil AACLS dan BAMLS.

Seramai 300 orang menghadiri persidangan ini yang mana terdiri daripada ahli-ahli saintis termasuk Ahli-ahli AACLS, BAMLS, pegawai-pegawai perubatan, jururawat-jururawat, pegawai-pegawai kesihatan bersekutu, pegawai-pegawai dan kakitangan hospital / klinik swasta dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara.

Turut hadir di persidangan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif, serta ketua-jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

GEOSPATIAL MEMACU PERUBAHAN MELALUI PENENTUAN, TEKNOLOGI

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Data Geospatial adalah penting untuk memahami corak, arah aliran dan hubungan dalam pelbagai bidang dan dalam tindak balas kecemasan, ia membantu pihak berkuasa dalam merancang untuk bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir.

Dari segi pengurusan alam sekitar pula, ia membantu

menganalisis perubahan dalam landskap bumi dan dalam perniagaan, syarikat memanfaatkan Data Geospatial untuk membuat keputusan termaklum, mengoptimumkan lokasi kedai dan meningkatkan pengiklanan yang disasarkan.

Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imthian binti Haji Abdul Razak seterusnya berucap dari segi pengurusan risiko dan insurans, ia membantu membangunkan polisi, menetapkan harga dan mengurangkan risiko penipuan manakala, dalam pertanian, petani boleh menggunakan Data Geospatial untuk meningkatkan hasil tanaman sambil memulihara sumber.

"Ia memainkan peranan penting dalam perancangan ketenteraan. Alat seperti Sistem Maklumat Geografi (GIS) adalah penting untuk pemetaan dan menganalisis Data Geospatial.

"Brunei Darussalam Geospatial Challenge 2024 atau BDGC 2024 merupakan cabaran untuk belia

bagi meneroka dan melibatkan diri dengan teknologi Geospatial dan Data Geospatial dalam menyumbang kepada idea-idea yang lebih baik di peringkat tempatan dan global menggunakan konsep GIS untuk menyokong Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Negara Brunei Darussalam," ujarnya semasa berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah bagi BDGC 2024 sempena Hari GIS 2024 bertempat di Setia Point Co.

Projek yang telah dikemukakan oleh pasukan dalam cabaran ini katanya, menunjukkan keupayaan mereka untuk menggunakan data yang tersedia untuk memvisualisasikan isu, menganalisis corak dan membina penyelesaian yang penting dan para peserta telah menunjukkan bahawa teknologi Geospatial dan Data Geospatial boleh menjadi alat yang berkuasa untuk kebaikan sosial dengan mencipta penyelesaian yang inovatif dan memacu perubahan melalui penentuan, teknologi dan dasar.

Menurutnya lagi, idea dan kreativiti menggunakan teknologi Geospatial ini adalah untuk mencapai pembangunan mampan



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat majlis.

yang akan membuka jalan untuk masa depan dengan lebih baik.

Pada tahun ini, tambahnya seramai lima pasukan telah menyertai BDGC dan adalah digalakkan untuk lebih ramai lagi pelajar menyertai cabaran ini untuk meneroka bagaimana teknologi Geospatial boleh digunakan untuk menangani cabaran terbesar dunia dan menolak sempadan inovasi dan dengan itu menyokong Negara

Brunei Darussalam untuk mencapai visi dan Matlamat Pembangunan Mampannya.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah hari ini. Pencapaian mereka adalah bukti kerja keras mereka, visi mereka dan komitmen mereka untuk membina masa depan yang lebih mampan dan lebih baik," ujarnya mengakhiri ucapan.

The Caffeinated Cats juara BDGC 2024



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Brunei Darussalam Geospatial Challenge 2024.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Kumpulan The Caffeinated Cats mewakili Universiti Teknologi Brunei (UTB) muncul juara dengan tajuk projek mereka, 'Fire Fighting: Emergency Response' bagi Pertandingan Brunei Darussalam Geospatial Challenge 2024 (BDGC 2024) sempena Hari Geographic Information System 2024 (Hari GIS 2024).

Naib juara juga disandang daripada wakil UTB menerusi Kumpulan GeoTrailblazers dengan Projek 'Geospatial-Based Disaster Risk Reduction for Landslides' sementara VisioSpectra dari UBD memenangi tempat ketiga dengan projek mereka 'Maximising Agricultural Efficiency through Remote Sensing Applications'.

Penyampaian hadiah kepada

para pemenang pada majlis yang berlangsung di Setia Point Co. di sini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, Pemangku Juruukur Agung, Nor Zetty Akhtar binti Haji Abdul Hamid juga selaku Ketua Panel Hakim dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, Jabatan Ukur Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai agensi pemetaan negara memainkan peranan yang tinggi dalam penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) negara.

Jabatan tersebut katanya, juga membangunkan portal dalam talian bernama Geoportal Ukur yang boleh diakses oleh sektor awam dan swasta. Walau bagaimanapun, lebih banyak data

diperlukan untuk analisis dan keputusan yang lebih baik.

"Pada tahun ini, Jabatan Ukur menyasarkan golongan belia khususnya di Institut Pengajian Tinggi. Kami percaya bahawa adalah penting untuk golongan belia didekahkan lebih awal, dalam penggunaan teknologi dan maklumat Geospatial.

"Terutamanya, keupayaan mereka untuk menggunakan GIS, imejan satelit, remote sensing dan analisis Data Geospatial untuk menangani masalah global dalam bidang seperti pengurangan risiko bencana, pengeluaran pertanian dan banyak lagi. Beberapa masalah global ini diketengahkan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)," ujarnya lagi.

Pertandingan BDGC 2024 anjuran Jabatan

Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Network Integrity Assurance Technologies (NiAT) Sdn. Bhd. merupakan julung kali diadakan di negara ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai teknologi Geospatial dan menggalakkan penggunaan teknologi Geospatial di dalam mendukung SDGs NBD.

Pertandingan tersebut dibukakan kepada mahasiswa dan mahasiswi dari institusi pengajian tertinggi NBD yang mana dua kumpulan yang berkelayakan akan mewakili NBD dalam penyertaan The ASEAN Geospatial Challenge 2025 (AGC 2025) yang dianjurkan oleh Singapore Land Authority (SLA).

Adapun Hari GIS antara lain bertujuan untuk memperkenalkan

GIS dan membarigakan kepada orang ramai tentang geografi, dan memberi inspirasi kepada orang ramai untuk menggunakan teknologi GIS.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) Kementerian Pembangunan, Ketua Pengarah Kerja Raya, ketua-ketua jabatan, Ketua Geomatics & Metocean (TSM) Brunei Shell Petroleum, pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan, pensyarah dan pelajar dari pelbagai institusi-institusi pengajian tinggi serta wakil-wakil dari agensi swasta yang dijemput.

سوره هنجای فر خدمت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TIPS
MEMUAT NAIK

PENTING:
Pastikan menggunakan pelayar seperti Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

#1 Format fail yang betul
PDF: Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen

#2 Saiz fail tidak melebihi 3MB

#3 Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna

#4 Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mewakili Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN Kali Ke-30 (ATM Ke-30) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang diadakan pada 21 hingga 22 November 2024 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Jumaat, 22 November. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN Kali Ke-30 (ATM Ke-30) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang diadakan pada 21 hingga 22 November 2024 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Mesyuarat ATM Ke-30 telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri II Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof.

Mesyuarat ATM Ke-30 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan seterusnya dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan, Malaysia, Tuan Yang Terutama Loke Siew Fook, selaku Pengurus Rakan-rakan Dialog Pengangkutan ASEAN, iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea bagi membincangkan

Ministers – ATM) pada 2024.

Mesyuarat berkenaan telah mengesahkan dokumen-dokumen berikut, yang memberi tumpuan kepada kemampunan sektor pengangkutan melalui pelbagai usaha dan inisiatif seperti dekarbonisasi dan pendigitalan, iaitu Signing of Protocol 5 on own stopover rights to the ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Air Services; ASEAN Guidelines on Light Electric Vehicles (LEV); ASEAN Guidelines on Urban Freight Transport (UFT); ASEAN Guidelines on Port Sector Public Private Partnership (PPP); and ASEAN Guidelines on Port Digitalisation and Automation.

Mesyuarat ATM Ke-30 seterusnya diikuti dengan Mesyuarat-mesyuarat bersama Rakan-rakan Dialog Pengangkutan ASEAN, iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea bagi membincangkan

NASIONAL

KOMITED MENINGKATKAN KERJASAMA PENGANGKUTAN DALAM RANTAU ASEAN

inisiatif-inisiatif ke arah mengembangkan kerjasama pengangkutan termasuk mengesahkan rangka kerja-rangka kerja utama masing-masing.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah menandatangani Protocol 5: Own Stopover Rights between Any Points within the Territory of any other ASEAN Member State di bawah ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Air Services (MAFLPAS) bagi pihak Kerajaan NBD pada Khamis, 21 November 2024.

Protokol 5 di bawah MAFLPAS berkenaan akan membolehkan syarikat-syarikat penerbangan dari Negara-negara Ahli ASEAN untuk menurunkan serta mengambil penumpang di antara dua atau lebih *points* selepas membuat persinggahan di AMS yang lain bagi perjalanan yang sama.

Protokol 5 berkenaan berpotensi untuk meluaskan lagi pilihan kepada penumpang dan pada masa yang sama akan meningkatkan lagi jumlah pergerakan penumpang di rantau ASEAN.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut membuat perjumpaan dua hala bersama Menteri Pengangkutan Malaysia, selaku Pengurus dan Tuan Rumah bagi Mesyuarat ATM pada 2024.

Yang Berhormat Menteri-menteri telah membincangkan cara-cara meningkatkan kerjasama di sektor pengangkutan di antara kedua-dua buah negara,

termasuk dalam pendigitalan perkhidmatan - perkhidmatan pengangkutan yang berkaitan, serta pengiktirafan bersama dokumen-dokumen, yang akan membolehkan pergerakan rentas sempadan yang lebih efisien.

Kedua-dua Menteri juga menyatakan hasrat serta komitmen bersama untuk terus memupuk kerjasama di antara kedua-dua belah pihak.

Yang Berhormat membuat perjumpaan dua hala masing-masing bersama Menteri Pengangkutan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chee Hong Tat, yang mana Menteri-menteri telah membincangkan peluang dan hasrat untuk mengembangkan lagi kerjasama di Sektor Pengangkutan di antara kedua-dua belah pihak terutamanya dalam bidang kelestarian dan bersama Menteri Tanah, Infrastruktur dan Pengangkutan (Minister of Land, Infrastructure and Transport),

Republik Korea, Tuan Yang Terutama Park Sangwoo, yang mana Menteri-menteri telah membincangkan hasrat kerjasama di dalam pembangunan bandar pintar dan bertukar-tukar pendapat mengenai meningkatkan kerjasama dalam bidang pengangkutan pintar.

Mesyuarat ATM Ke-30 berkenaan didahului dengan Mesyuarat Pegawai-pejawai Pengangkutan Kanan ASEAN Kali Ke-58 (STOM Ke-58) dan Mesyuarat Bersama Rakan-rakan Dialog yang diadakan pada 18 hingga 20 November 2024 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Delegasi NBD ke STOM Ke-58 diketuai oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, NBD, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Mesyuarat STOM Ke-58 telah membincangkan dokumen-dokumen untuk dihadapkan kepada Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN, dan juga status program, aktiviti dan projek di bawah rangka kerja Kuala Lumpur Transport Strategic Plan (KLTSP) 2016-2025.

Pegawai-pejawai Kanan Pengangkutan ASEAN berkenaan juga berkesempatan untuk membincangkan mengenai perkembangan - perkembangan global dan serantau yang memberikan impak kepada sektor pengangkutan, termasuk antaranya *shift in global political affairs and trade flows*, pendigitalan, dekarbonisasi dan isu-isu rantaian bekalan (*supply chain issues*).

ATM merupakan platform tahunan Menteri-menteri Pengangkutan dari Negara-negara Ahli ASEAN berkumpul untuk berbincang dan meneruskan kerjasama pengangkutan dalam ASEAN dan Rakan-rakan Dialog khususnya mengenai kemajuan kerjasama pengangkutan termasuk projek-projek dan inisiatif-inisiatif dalam meningkatkan lagi kesalinghubungan dan mewujudkan sistem pengangkutan yang cekap, selamat dan mampan demi menyokong integrasi dan kemajuan ekonomi di rantau ASEAN.

Pamer produk, perkhidmatan inovatif hasil reka cipta pelajar



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Entrepreneurship Innovation Centre (EIC) Showcase bagi Pertandingan Celik-Biz Kali Ke-6 dan Pertandingan BigStart Kali Ke-11 yang diadakan di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan kanan).

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC) hari ini mengadakan Entrepreneurship Innovation Centre (EIC) Showcase bagi Pertandingan Celik-Biz Kali Ke-6 dan Pertandingan BigStart Kali Ke-11 yang diadakan di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

EIC Showcase berperanan sebagai platform bagi para pelajar mempamerkan produk dan perkhidmatan inovatif yang telah mereka cipta dan reka melalui Pertandingan Celik-Biz Kali Ke-6 dan Pertandingan BigStart Kali Ke-11 yang berlangsung pada 26 September lalu.

Pertandingan tahun ini membawa tema 'Inovasi dalam Keusahawanan' dengan empat

sub-tema, iaitu Innovation, Edutainment, Digitalisation dan Fourth Industrial Revolution (IR 4.0).

Sebanyak 25 kumpulan mendaftar untuk menyertai EIC Showcase, yang dibuka kepada pelajar Tahun 4 dan Tahun 5 dari sekolah-sekolah rendah serta pelajar Tahun 9 dan Tahun 10 dari sekolah - sekolah menengah dan maktab - maktab kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Acara diteruskan lagi dengan perasmian Junior Innovator Catalogue, iaitu Katalog Koleksi Prototipe hasil ciptaan para pelajar daripada Pertandingan Celik-Biz, Pertandingan BigStart dan Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas) Bootcamp sejak 2021.

Bagi The Best Booth for Celik-Biz, dimenangi oleh Kumpulan Water Wizards dari Sekolah Rendah Mentiri dengan nama produk 'WATER Cycle'. Manakala The Best Booth for BigStart, dimenangi oleh Kumpulan BIJAQ dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan dengan nama produk 'TechnoBin'.

Sementara, The Best Team yang memperoleh undian tertinggi dimenangi oleh Kumpulan CERADIK dari Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara Bukit Beruang, Tutong dengan nama produk 'Aplikasi Lakastah Membaca'.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

کمترین کسیختن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui
lebih lanjut mengenai
program pemeriksaan
kanser kolorektal,
sila jumpa* Doktor
awda hari ini atau
laiari
www.ppkk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT
MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

NBD - KESULTANAN OMAN TERUS MEMPERKUKUH HUBUNGAN DIPLOMATIK



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan isteri hadir pada majlis yang berlangsung di Jerudong Polo and Country Club. Turut hadir, Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

JERUDONG, Khamis, 21 November. - Hubungan dua hala Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kesultanan Oman jelas semakin kukuh terjalin dengan meraikan sambutannya yang ke-40 tahun sekali gus meraikan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kesultanan Oman yang Ke-54 pada tahun ini.

Sehubungan dengan itu, majlis yang berlangsung di Jerudong Park and Polo Country Club di sini dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan

isteri, Datin Dayang Hajah Binanun binti Haji Bungsu.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD, Puan Yang Terutama Erma Said Mohamed Al Kathiry dalam ucapannya berbesar hati dan mengiktiraf persahabatan yang berkekalan antara kedua-dua buah negara Kesultanan Oman dan NBD serta hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara memperkuatkan kerjasama yang begitu teguh dan terus melalui perjanjian dan mekanisme yang berbeza.

Menurut Puan Yang Terutama



Erma Said Mohamed Al Kathiry, mesyuarat tahunan dua hala antara kedua-dua Kementerian Luar Negeri merupakan perkongsian yang begitu penting. Sebanyak 22 permesyuaratan telah dijalankan dan mesyuarat kali ke-23 seterusnya akan diadakan di Muscat pada awal tahun hadapan.

Selain itu, kata Puan Yang terutama, Jawatankuasa Bersama Kesultanan Oman-NBD, antara Kementerian Perdagangan, Industri dan Promosi Pelaburan Kesultanan Oman dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi NBD, memainkan peranan penting dalam memajukan kerjasama ekonomi dan pelaburan dan sesi ke-4 dijadualkan diadakan di Muscat, sekali lagi pada awal tahun depan.

Tambah PYT lagi, hubungan ekonomi kedua-dua negara terus berkembang, dengan Syarikat

Pelaburan Kesultanan Oman-NBD menerajui projek yang berjaya di kedua-dua buah negara dan kerjasama penting lain termasuk pembentukan Comquest, sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Oman's Bahwan CyberTek and Brunei's Darussalam Assets, serta Oman's Innovateq Company yang memulakan operasinya di negara ini untuk tempoh empat tahun, bermula Mei lalu.

Syarikat Golden Corporation tambah PYT, memegang 50 peratus bahagian dan bersedia untuk berkembang lebih meluas ke arah memperkuuh perkongsian ekonomi NBD dan Kesultanan Oman.

Untuk mengukuhkan lagi kerjasama kewangan, kata PYT, delegasi dari Bank Negara Oman, diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, menghadiri Sidang

Kemuncak Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam Ke-16 di NBD pada Mei 2024 dan dalam beberapa hari akan datang, Kesultanan Oman akan menjadikan rumah kepada delegasi daripada Brunei Darussalam Central Bank, memajukan lagi perkongsian berkenaan.

"Kerjasama tenaga telah menjadi tonggak utama dalam perkongsian kedua-dua negara menerusi penyertaan daripada seminar-seminar dan acara dari segi sektor tenaga kedua-dua buah negara serta perjanjian yang dimeterai antara Brunei Shell dan syarikat peneraju tenaga Kesultanan Oman bagi pertukaran dari segi kepakaran.

Acara dimeriahkan lagi dengan memotong kek dan penyampaian cenderamata serta tayangan video.

Beri pendedahan, bimbingan teknik berdikir yang sempurna



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas dan kanan), manakala gambar bawah, antara yang menyertai Pertandingan Dikir Syarafil Anam.

BELAIT, Rabu, 20 November. - Dikir Syarafil Anam merupakan salah satu khazanah berharga yang telah diwarisi oleh

orang-orang Melayu Brunei dan salah satu kebudayaan beragama yang telah diamalkan dalam kehidupan orang-orang Brunei

sejak zaman berzaman.

Dikir Syarafil Anam mengandungi selawat dan salam serta kisah kehidupan dan keperibadian yang agung dimiliki oleh Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan banyak keistimewaan.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Imarah dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Belait dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait mengadakan Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Pegawai Masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah Masjid dan Jemaah Masjid Senegara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan yang diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Johan bagi Kategori Lelaki disandang oleh Masjid Mohammad Jamalul Alam Kuala Belait 'B' dengan memperoleh markah tertinggi 94.90 peratus, sementara naib johan Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien Kampung Katimahar dengan markah 89.70 peratus dan Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Kampung Rimba menduduki tempat ketiga dengan markah 88.95 peratus.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Jabatan Hal Ehwal Masjid



Bagi Kategori Perempuan pula, johan disandang oleh Masjid Haji Abdul Azim Kampung Luagan Dudok dengan memperoleh markah tertinggi 93.35 peratus, sementara Masjid Kampung Mentiri menduduki tempat kedua dengan kutipan markah 90.10 peratus, dan Masjid Az-Zakireen Meragang berada tempat ketiga dengan markah 87.20 peratus.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Tujuan pertandingan ini diadakan adalah bagi memberikan bimbingan, pendedahan serta peluang kepada para peserta

mempelajari teknik berdikir yang betul dan mampu mempersembahkan Dikir Syarafil Anam dengan baik dan sempurna yang secara tidak langsung dapat memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu bacaan Dikir Syarafil Anam dari segi fashahah, lagu dan suara.

Di samping itu, menggalakkan para peserta untuk terus mempelajari dan menguasai lagu-lagu dikir supaya dapat menyampaikan hajat masyarakat awam khususnya bagi menyerikan acara keagamaan.

Ia juga dihasrat agar para peserta sentiasa mengamalkan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam setiap hari semata-mata untuk beroleh pahala, berkat dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala.



KERJASAMA SEMUA PIHK PERLU UNTUK PERANGI NARKOTIK



YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa menyampaikan ceramah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Narkotik adalah zat atau bahan ubat yang berasal dari tanaman atau bukan tanaman, baik sintetis maupun semi sintetis yang dapat menyebabkan penurunan atau perubahan kesedaran.

Di samping itu, narkotik juga menyebabkan halusinasi dan terjadinya daya rangsang, yang pada umumnya menghadirkan risiko ketagihan bagi penggunaannya.

Perkara tersebut telah digariskan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa menyampaikan ceramah pada Majlis Ceramah Bersama Mufti sempena Sambutan Haji Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran

Dahad Haram 2024 anjuran Biro Kawalan Narkotik (BKN) dengan Kerjasama Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Majlis tersebut berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), pagi tadi.

Yang Berhormat dalam ceramahnya menjelaskan bahawa menurut pakar kesihatan, narkotik sebenarnya senyawa dengan psikotropik yang biasa dipakai untuk membias pesakit ketika pesakit itu hendak dioperasi, atau ubatan, untuk penyakit tertentu, tetapi kini, persepsi ini telah disalah artikan akibat pemakaian di luar peraturan.

Hingga kini, jelas Yang Berhormat lagi, penyalahgunaan narkotik sudah tersebar luas, sehingga hampir tidak dapat dicegah lagi, mengingat seluruh penduduk dunia sudah dengan mudah mendapat narkotik daripada ejen-ejen atau sindiket-sindiket yang tidak bertanggungjawab dan tentu sahaja perkara ini amat mencemaskan.

"Walaupun pemberantasan narkotik sudah giat dilakukan, namun kesan positifnya masih sahaja sedikit didapati, berbanding dari kalangan remaja mahupun dewasa bahkan kanak-kanak sekolah semakin ramai yang terjerumus ke penyalahgunaan narkotik.

"Narkotik berasal dari bahasa Inggeris *narcotics* yang ertiannya ubat bius yang mempengaruhi susunan saraf sehingga dapat membuat kita tidak merasakan apa-apa walaupun

bahagian tubuh kita disakiti," tegasnya.

Menurut Yang Berhormat, dari rumpun nama atau jenis narkotik yang pelbagai, menambahkan lagi kerisauan kita akan kemungkinan ia mudah didapat untuk digunakan iaitu dalam makna ia bukan hanya satu dua jenis tetapi banyak jenis boleh dicari.

Semua ini, jelasnya menjadi cabaran kepada umat manusia di seluruh dunia, terutama para remaja, belia termasuk pelajar untuk tidak terlibat atau dilibatkan dengan narkotik.

Lebih membimbangkan lagi katanya, penyaludupan dadah atau narkotik di Asia Tenggara, untuk beberapa dekad, telah menyumbang menjadi punca ketakutan dan ketidakamanan.

"Baru-baru ini tersiar di media, Datuk Bandar di sebuah bandar di Selatan Mexico telah mati dibunuh. Menurut berita itu lagi, lebih 50,000 orang telah dibunuh dan puluhan ribu lagi hilang di seluruh Mexico sejak kerajaan mengerahkan tentera untuk memerangi pengedaran dadah pada tahun 2006.

"Bayangkan, korban disebabkan dadah itu sangat besar. Ini, baru di Mexico, belum lagi kita melihat ke negara-negara lain yang sama masalahnya dengan Mexico," katanya.

Dalam bulan April tahun 2009, Yang Berhormat menyatakan tersiar sebuah berita pasukan keselamatan anti dadah Afghanistan telah memusnahkan enam metrik ton dadah dan bahan

kimia untuk memproses dadah, sebagai langkah memerangi dan membanteras penanaman popi ganja dan heroin yang mana dadah-dadah itu dibakar di luar Kabul, setelah ia dirampas oleh pihak berkuasa.

Di setengah negara di dunia katanya, terdapat istilah 'Raja Dadah' dan istilah ini merujuk kepada ketua atau kepala sindiket yang sangat berkuasa lagi ditakuti. Dialah ketua besar satu-satu kumpulan yang sering bertempur dengan kumpulan yang lain untuk meluaskan kuasa dan wilayah masing-masing.

Pada September tahun yang sama, 35 mayat telah ditemui dan mayat-mayat itu disyaki ada kaitan dengan kumpulan-kumpulan penjenayah dadah, dijumpai dibuang di tepi jalan di Veracruz, Mexico.

Menurut Yang Berhormat, sejarah dadah bukannya baru, tetapi sudah lama, seperti juga arak dan tembakau yang mengandungi nikotin yang telah digunakan oleh orang-orang Asia dan Amerika sejak sebelum Abad Ke-16 lagi.

Bahan opium yang diekstrak daripada popi, menurutnya digunakan untuk rekreasi bersenang-senang adalah satu bahan yang digunakan oleh orang-orang Asia yang kemudian merebak ke Barat.

Kokain dan Heroin pula dijual sebagai ubat pada Abad Ke-19 dan awal Abad Ke-20 untuk merawat

beberapa penyakit.

Tetapi kini terangnya lagi, tradisi berubat dengan bahan-bahan ini sudah tidak lagi berbangkit digantikan oleh desakan ia mestilah dicegah setelah disalahgunakan menjadi punca kerosakan.

"UN Office on Drugs and Crime (UNODC) 2024 telah melaporkan kemudaratan dadah sedunia adalah berterusan meningkat di tengah-tengah perkembangan penggunaan dan pemasaran. Jumlah pengguna dadah telah meningkat kepada 292 juta orang pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 20 peratus dalam tempoh 10 tahun.

"Maka ternyata, perkembangan ini tidak boleh dipandang ringan. Lalu, untuk keselamatan umat sedunia, semua pihak perlu bersatu menghadapinya," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa agama Islam memberi contoh pencegahan yang lengkap dari awal-awal lagi, dengan menyebut khamar dan benda-benda seumpamanya yang menghilangkan akal adalah 'haram'.

"Imam al-Ghazali Rahimahullah telah menghuraikan perkara ini, bahawa semua benda yang boleh menghilangkan akal sama ada dengan diminum atau dimakan, baik ia benda pekat atau cair, adalah semua itu khamar, diharamkan oleh Allah sampai hari kiamat," jelasnya.

Memperkuat usaha lindungi masyarakat global daripada penyebaran narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Dalam meneruskan usaha menyemarakkan sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram di negara ini, Majlis Ceramah Bersama Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned mengenai isu dadah di Negara Brunei Darussalam (NBD) diadakan pagi tadi di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Mufti Kerajaan pada majlis tersebut menyampaikan ceramah bertajuk 'Penghayatan Islam Bagi Menangani Isu Dadah di Negara Brunei Darussalam', yang antara lain menyentuh mengenai penghayatan

dan panduan dalam mengambil tindakan mengenai hukum-hukum Islam dalam menangani isu dadah di negara ini.

Yang Berhormat juga mengetengahkan apabila kita menilai kejadian-kejadian yang berlaku di mana-mana, ternyata pengambilan narkotik, ubatan-ubatan terlarang dan alkohol adalah biasa membawa kepada berlakunya tindak *criminal* yang pelbagai.

Menurutnya lagi, perlakuan jahat seperti mencuri, pecah rumah, merompak sampai membunuh, adalah biasa disebabkan oleh benda-benda ini.

Malah turut berlaku juga perbuatan-perbuatan tidak bermoral seperti zina, perkosaan, penderaan,

seksual dan lain-lain, dan tidak sedikit adalah diakibatkan oleh pengambilan benda-benda terkutuk ini.

Kerana itulah tegas Yang Berhormat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda mengingatkan: "Jauhilah oleh kamu khamar, kerana sesungguhnya ia adalah ibu segala kejahatan".

"Jika ada orang bertanya, apa sebenarnya khamar? Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menjelaskan riwayat 'Abdullah bin 'Umar, maksudnya: "Setiap benda, bahan atau minuman yang dapat memabukkan dan melemahkan adalah ia khamar dan setiap khamar itu haram".

"Berdasarkan hadis ini, kita juga tidak boleh membiarkan rokok. Kerana bahan rokok juga boleh membawa ketigih dan anggota tubuh badan lemah sebagaimana juga arak satu benda memabukkan dan merosakkan akal serta melemahkan adalah hukumnya haram," jelas Yang Berhormat.

Kerana itu, Yang Berhormat menekankan Negara Brunei Darussalam telah mengambil pungut ke hadapan mengharamkan arak dan rokok.

Di samping bersandar kepada nas tebasnya, sebelum memfatwakan rokok itu haram, Jabatan Mufti Kerajaan dengan perkenan raja, telah terlebih dahulu pada 11 hingga 14 Julai 2002 menganjurkan satu seminar bertaraf dunia, dengan tema Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihat (International Seminar on Tabacco or Health).

Dalam seminar tersebut ujarnya, rokok telah dibahas secara meluas oleh mufti-mufti dan pakar-pakar WHO yang diundang untuk memberikan pandangan masing-masing dari sudut agama dan sains.

Yang Berhormat menggariskan usaha ini dibuat untuk melihat kepelbagaian pandangan atau pendekatan, sedang kita sendiri sudah ada sikap mengenainya.

"Alhamdulillah, setelah beberapa

hari berseminar maka rumusan pun dicapai, bahawa setiap rokok itu mengandungi 4,000 jenis bahan kimia, sebahagian besarnya adalah berasun, berpotensi antara lain untuk membunuh menerusi penyakit jantung, penyakit strok, penyakit barah kerongkong (*throat cancer*), penyakit barah paru-paru (*lung cancer*) dan lain-lain rokok.

"Kita yakin, semua golongan berpuas hati dengan rumusan ini dan menyambut baik Fatwa Mufti Kerajaan mengharamkan rokok. Fatwa ini dibukukan khas, dan mendapat sambutan luar biasa di dalam dan di luar negara. Sehingga kini, ia telah diulang cetak sebanyak tiga kali," tambah Yang Berhormat.

Kesan dari pengharaman ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menggubal akta: Mengawal rokok dan perokok, menjadikan rokok tidak lagi bebas menjadi bahan jualan dan belian begitu sahaja.

Ia sudah terkawal, sehingga mempengaruhi persekitaran, di mana kita tidak lagi mudah untuk mendapat orang merokok, sama ada di rumah-rumah atau di kedai-kedai makan dan restoran di pasar-pasar, di dalam kereta di tempat-tempat persiaran dan lain-lain.

Menandakan negara kita kini sudah benar-benar bersih dari rokok dan arak, dua bahan narkotik pembinas yang masih sahaja terus menerus menghantui dunia.

Tidak diragukan lagi, tegas Yang Berhormat inisiatif pembebasan dari dua bahan perosak ini, rokok dan arak, NBD adalah pelopor satu-satunya, dan insyaaAllah, juga akan sentiasa bersama-sama warga dunia yang lain, untuk membentengi diri dan sekali gus membentengi masyarakat global dari arus perkembangan dan penyebaran narkotik sedunia.

Hadir sama pada ceramah tersebut, Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail selaku Pengurus Majlis.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Al-Quran Surah Al-Maidah, ayat 90 Hingga 94 dibacakan oleh Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin, penuntut daripada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dan terjemahan disampaikan oleh Awang Mohamed Norizyan Auni bin Haji Noriswandy.

Juga hadir, pengarah-pengarah jabatan, pegawai-pegawai kanan, jemputan di jabatan-jabatan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.



ANTARA yang hadir pada Majlis Ceramah Bersama Mufti Kerajaan.

HALUAN

>> Muka 2

Dalam meneruskan misi ini, peramba / saya menyeru *abiskita* untuk mengambil pendekatan yang inklusif dan menyeluruh. Pastikan sumber sokongan kesihatan mental dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat, galakkan dialog terbuka, dan sesuaikan pendekatan *abiskita* dengan keperluan komuniti yang dipelbagai. Cabaran yang dihadapi oleh masyarakat kita adalah berbeza-beza, dan sebagai pemimpin, kita perlu memahami keunikan cabaran ini di peringkat tempatan serta memberikan tindak balas yang bersesuaian dengan nilai dan keperluan rakyat.

Sebelum peramba / saya mengakhiri ucapan ini, peramba / saya sukacita merakamkan penghargaan yang tulus dan ucapan tahniah kepada PERKAB dan presidennya, serta kepada semua pengajar, penceramah, dan peserta atas dedikasi dan komitmen dalam menjayakan simposium ini. Peramba / saya yakin bahawa simposium ini akan memberi inspirasi dan membekalkan *abiskita* dengan alat serta ilmu untuk membawa perubahan positif dalam komuniti kita. Marilah melengkapkan diri kita hari ini dengan semangat, tujuan, dan tekad baharu untuk bertindak demi kesejahteraan mental masyarakat kita.

Dengan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, peramba / saya rasmiikan Simposium Kaunseling PERKAB 2024 dengan tema, 'Daripada Kesedaran Kepada Tindakan : Memobilisasikan Kemahiran Kaunseling di Peringkat Akar Umbi Dalam Menangani Cabaran Kesihatan Mental'.

Sekian. *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Setiap kanak-kanak punya hak



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Anak-anak adalah antara nikmat terbesar kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita yang juga merupakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada ibu bapa. Ia dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menguji hamba-hamba-Nya, apakah denganannya akan menambah ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta mensyukuri nikmat yang telah diberikan, di samping melaksanakan hak dan kewajipan yang Allah Subhanahu Wata'ala tetapkan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Anfal, ayat 28 :

Tafsirnya : "Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah sebagai fitnah (ujian) dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar".

Sebagai ibu bapa, penjaga serta anggota masyarakat, kurniaan nikmat yang besar ini perlulah ditanai dengan sebaiknya kerana mereka selain merupakan aset berharga kepada ibu bapa, juga sebagai aset bangsa dan

negara. Islam telah memberikan perhatian yang besar terhadap perlindungan hak anak-anak yang meliputi rohani dan jasmani, intelektual, akhlak, ekonomi dan sebagainya sehingga nanti potensi-potensi mereka dikembangkan secara positif agar menjadi manusia sebagaimana yang dikehendaki Allah Subhanahu Wata'ala yakni menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala sekali gus Khalifah di muka bumi.

Adapun hak yang paling asas bagi setiap anak ialah hak untuk hidup. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 31 :

Tafsirnya : "Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapauan, (sebenarnya) Kamilah yang mengurnikan rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya membunuh mereka ialah suatu dosa yang besar".

Berdasarkan ayat tersebut, sesungguhnya tiada anak yang harus dinafikan hak untuk hidup, sama ada disebabkan kemiskinan, pengabaian atau perperangan. Kita mesti berusaha untuk melindungi kehidupan anak-anak dengan diberikan perawatan, pemeliharaan dan pengasuhan yang sempurna. Pembentukan jiwa kanak-kanak adalah sangat dipengaruhi oleh cara penjagaan dan asuhan sejak mereka dilahirkan sampai menjelang dewasa agar tumbuh subur menjadi insan yang berguna.

Hak yang perlu dijaga ialah hak kanak-kanak untuk memperoleh pendidikan. Islam sangat menekankan kepentingan ilmu seperti yang dinyatakan di dalam Al-Quran, dalam Surah Al-Alaq, ayat 1 hingga 5 :

Tafsirnya : "Bacalah (wahai Nabi Muhammad) dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku. Bacalah dan Tuhanmu Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia menulis) dengan kalam (pena). Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya".

Ayat ini menjelaskan mengenai penciptaan manusia serta pentingnya ilmu pengetahuan. Allah Subhanahu Wata'ala juga memerintahkan seluruh umatnya untuk tidak berhenti belajar. Setiap anak mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang akan

membantu mereka berkembang dari segi rohani, intelektual dan moral.

Kita hendaklah memastikan tiada anak yang dinafikan peluang untuk belajar dan berkembang. Keluarga merupakan lingkungan pertama yang afektif dalam membentuk peribadi anak yang meliputi pendidikan sopan santun, membiasakan amalan-amalan baik, latihan-latihan tanggungjawab dan sebagainya. Di pihak kerajaan pula alhamdulillah hak mendapatkan pendidikan bagi setiap kanak-kanak di negara kita Brunei Darussalam adalah hak yang dijamin oleh undang-undang. Ini adalah satu nikmat yang kita harus syukuri kerana melalui pendidikan, anak-anak dapat mempersiapkan diri untuk menjadi generasi yang berguna dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara yang akan diharapkan untuk menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan.

Manakala hak kanak-kanak seterusnya yang perlu dipelihara ialah hak untuk mendapat kasih sayang. Setiap anak berhak dan harus dilayan dengan kebaikan, kasih sayang dan belas kasihan. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mewujudkan persekitaran yang selamat agar anak-anak merasa selamat, disayangi dan dihargai. Mereka hendaklah dilindungi daripada menjadi korban penderaan, tindakan kekerasan, eksloitasi dan pengabaian.

Kanak-kanak juga berhak untuk membesar dalam persekitaran yang sihat dan selamat. Ini bermaksud memastikan penjagaan kesihatan yang mencukupi, pemakanan yang berkhasiat dan seimbang dan keselamatan yang dijamin.

Kesihatan mental kanak-kanak juga amatlah penting dan harus dijaga. Dalam dunia yang penuh tekanan ini, masalah emosi seperti kebimbangan dan kemurungan adalah antara bahaya yang terdedah kepada kanak-kanak kita. Oleh itu, kita berperanan sebagai tempat bergantung kepada anak-anak dan boleh dipercayai. Pandanglah mereka dengan pandangan kasih sayang, dengarlah masalah anak-anak dengan hati terbuka, miliki rasa empati dan berikan sokongan emosi apabila mereka memerlukannya. Sokonglah dan jagalah anak kita supaya mereka dapat membesar dengan mempunyai pendirian dan keberdayatahanan yang kuat. Baginda

Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajar umatnya mencurahkan kasih sayang terhadap kanak-kanak seperti sabdanya :

Maksudnya : "Bukan daripada (golongan) kami orang yang tidak menunjukkan belas kasihan terhadap anak-anak kecil kami dan tidak tahu menunaikan hak orang-orang tua kami ". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Marilah kita menyayangi dan melindungi anak-anak kita serta memberikan hak-hak mereka. Mereka selayaknya diasuh menjadi insan yang berguna, didik dengan agama, ilmu dan kemahiran, dipupuk semangat juang dan disemai dengan nilai murni untuk menghadapi kehidupan masa hadapan yang lebih mencabar. Semoga kita dapat menjalankan hak dan kewajipan kita sebagai ibu bapa dan penjaga yang baik. Sama-sama kita mengambil iktibar daripada situasi kanak-kanak di negara-negara tertindas. Dengannya barulah kita dapat menyedari cabaran besar yang dihadapi oleh kanak-kanak di peringkat global. Di Palestin, Syria dan banyak negara lain, jutaan kanak-kanak dinafikan hak asasi mereka termasuk hak untuk hidup, hak untuk pendidikan dan hak untuk perlindungan. Mereka juga menghadapi pelbagai ancaman perperangan, pembunuhan, kekurangan makanan dan pelbagai bentuk penderaan.

Sebagai umat Islam, kita bertanggungjawab untuk melindungi dan membantu anak-anak sama ada mereka dalam keluarga kita sendiri atau bukan, termasuklah yang berada di seluruh dunia. Meskipun kita berada jauh, kita masih boleh membantu dengan doa dan sumbangan ke Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza. Mudah-mudahan segala doa dan permohonan kita dimakbulkan dan segala sumbangan yang dihulurkan akan mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Katakanlah : Sesungguhnya Tuhanmu meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkannya (kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya) dan apa sahaja yang kamu belanjakan (untuk kebaikan) maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki". (Surah Saba', ayat 39)

Nyalaan lampu biru meriahkan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2024

Siaran Akbar : Jabatan Pembangunan Masyarakat

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan memeriahkan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2024, yang diraikan setiap 20 November dengan menyalaikan lampu berwarna biru di beberapa lokasi utama iaitu Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) dan Bangunan Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Penyalaan lampu akan berlangsung dari 20 hingga 22 November 2024, bermula pada pukul 7.00 malam hingga 12.00 tengah malam.

Penyalaan lampu ini adalah sebagai sokongan dan peringatan terhadap Hari Kanak-kanak Sedunia, sekali gus mencerminkan komitmen NBD dalam meratifikasi konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (CRC).

Tema sambutan pada tahun ini ialah 'For every child, every right' atau 'Setiap kanak-kanak punya

hak'.


Pemilihan warna biru adalah bersempena warna tema Hari Kanak-Kanak Sedunia, yang juga merupakan warna rasmi United Nations Children's Fund (UNICEF).

Penyalaan warna terang ini mewakili perpaduan dalam memperjuangkan hak dan kesejahteraan kanak-kanak di seluruh dunia.

Orang ramai digalakkan untuk mengambil gambar lokasi-lokasi tersebut yang diterangi lampu biru dan memuat naiknya ke media sosial dengan menggunakan hashtag #WCD2024.

Marilah kita berganding bahu untuk menghormati dan melindungi hak setiap kanak-kanak.

NYALAA lampu berwarna biru di Bangunan Stadium Negara Hassanal Bolkiah sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2024.





جبلان حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SETIAP KANAK-KANAK PUNYA HAK

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 20 Jamadilawal 1446H/22 November 2024M

HAK UNTUK HIDUP

Kita mesti berusaha untuk melindungi kehidupan anak-anak dengan diberikan perawatan, pemeliharaan dan pengasuhan yang sempurna

HAK KANAK-KANAK UNTUK MEMPEROLEH PENDIDIKAN

Setiap anak mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang akan membantu mereka berkembang dari segi rohani, intelektual dan moral

HAK UNTUK MENDAPATKAN KASIH SAYANG

Setiap anak berhak dan harus dilayan dengan kebaikan, kasih sayang dan belas kasihan. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mewujudkan:

- Persekutaran yang selamat agar anak-anak merasa selamat, disayangi dan dihargai
- Perlindungan daripada menjadi korban penderaan, tindakan kekerasan, eksploitasi dan pengabaian



Di Palestin, Syria dan banyak negara lain, jutaan kanak-kanak dinafikan hak asasi mereka termasuk hak untuk hidup, hak untuk pendidikan, dan hak untuk perlindungan. Meskipun kita berada jauh, kita masih boleh membantu dengan doa dan sumbangan ke Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza





NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) semasa menerima buku daripada Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam.

TUNGKU LINK, Rabu, 20 November. - Dalam Memperingati Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Filipina, Kedutaan Republik Filipina di NBD, petang tadi

menyempurnakan sumbangan buku kepada Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang berlangsung di Kompleks Perpustakaan UTB, di sini.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa



PUPUK KESEDARAN, PERKUKUHKAN SOLIDARITI SERANTAU

Selamat yang dibacakan oleh Awang Md. Fazalley bin Haji Hidup, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah dalam ucapannya menjelaskan, UTB sangat berbesar hati dalam menerima sumbangan yang merangkumi lebih 50 tajuk buku, meliputi pelbagai subjek yang kaya, termasuk sejarah, budaya, perjalanan, seni bina dan seni.

Buku-buku ini pasti akan memperkaya koleksi perpustakaan UTB dan memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna kepada para pelajar, fakulti dan komuniti yang lebih luas, sekali gus memupuk pemahaman dan penghargaan yang lebih mendalam terhadap warisan luar biasa Filipina, jelasnya lagi.

"Sumbangan yang penuh makna ini bukan sahaja mencerminkan komitmen kedutaan untuk mengukuhkan hubungan pendidikan, malah ia juga menggambarkan hubungan erat antara kedua-dua negara," tambahnya lagi.

Manakala Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke NBD, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio dalam ucapannya menekankan mengenai pentingnya memupuk kesedaran, pemahaman dan penghargaan pelbagai budaya bagi mempromosikan perpaduan dalam ASEAN dan juga di luar ASEAN.

Puan Yang Terutama juga menyatakan harapannya agar

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin



NAIB Canselor UTB semasa mendengarkan ucapan daripada Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam (atas). Manakala gambar bawah kiri, Pelancaran Rasmi Sudut Filipina.

Sudut Filipina berkenaan akan berfungsi sebagai jambatan budaya, membolehkan rakyat Brunei untuk meneroka warisan Filipina sambil mempertingkatkan kesedaran mengenai ASEAN.

Acara diteruskan lagi dengan Pelancaran Rasmi Sudut Filipina yang disempurnakan dengan penyerahan buku oleh Puan Yang Terutama kepada Naib Canselor UTB.

Koleksi buku yang disusun berkenaan merangkumi sejarah, budaya, kesusasteraan, dan kajian alam sekitar Filipina, memberikan

peluang kepada komuniti UTB untuk mendalami warisan kaya Filipina.

Inisiatif berkenaan menekankan persahabatan yang kukuh antara Republik Filipina dan NBD, mengukuhkan nilai-nilai bersama dalam penghargaan budaya, pertukaran pengetahuan dan solidariti serantau.

Juga hadir, wakil-wakil dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Pendidikan serta pegawai dan kakitangan dan pelajar daripada UTB.

Tingkatkan pengetahuan, kesiapsiagaan hadapi bencana di sekolah

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Seramai 50 penuntut dan guru daripada beberapa buah sekolah rendah mengikuti Program Pengurusan Risiko Bencana Peringkat Sekolah (SBDRM) yang berlangsung di Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun (SRPAPB), di sini.

Para peserta terdiri daripada penuntut dan guru dari Sekolah Rendah Saba Darat, Sekolah Rendah Sungai Siamas, Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil, Sekolah Rendah Bendahara Lama, Sekolah Rendah Haji Tarif, Sekolah Rendah Pintu Malim dan SRPAPB.

Program yang diadakan selama dua hari bermula 19 hingga 20 November 2024 itu dianjurkan

oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Di sepanjang program tersebut, para penuntut dan guru berpeluang untuk mengetahui mengenai fungsi dan peranan NDMC, di samping meningkatkan pengetahuan dan kesiapsiagaan mereka dalam mengenal pasti risiko serta membuat tindakan yang betul agar sentiasa bersiap sedia dalam menghadapi sebarang kejadian bencana.

Selain itu, para pelajar juga berpeluang mengikuti latihan

berkumpulan seperti aktiviti Do's and Don'ts sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana; Nature Power, Penyediaan Grab Bag, Hazard Visit dan membentuk pelan tindakan dalam kesiapsiagaan warga sekolah bagi menghadapi bencana di peringkat sekolah.

Penyampaian sijil kepada para peserta pada Majlis Penutup Program itu disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) KHEDN, Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon, selaku tetamu khas.

Beliau turut menyampaikan sijil penghargaan kepada para facilitator yang terlibat dalam melaksanakan Program SBDRM



TIMALAN Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu khas dan menyampaikan sijil kepada para peserta pada Majlis Penutup Program berkenaan (kiri dan atas).

pada tahun ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah NDMC, Timbalan Pengetua SRPAPB serta para pegawai dan kakitangan NDMC dan warga sekolah.

NDMC akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan dalam menangani kejadian bencana di negara ini.

Program SBDRM telah

dilaksanakan bagi mencapai hasrat ke arah membina masyarakat yang berdaya tahan dalam menghadapi apa jua cabaran bencana yang berkemungkinan berlaku.

Dengan pengetahuan dan pengalaman yang telah diperoleh semasa program SBDRM ini, ia diharapkan akan dapat dijadikan sebagai panduan bagi mengurangkan impak bencana kepada warga sekolah di negara ini.

AWANG MOHD. RAYYAN HADI, DAYANG ANAA SUMAYYAH JOHAN PERTANDINGAN MARI BERGERITA



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan menyampaikan hadiah kepada para pemenang Pertandingan Mari Bergerita 2024 (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, antara yang menyertai pertandingan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. - Persembahan cerita Awang Mohd. Rayyan Hadi bin Haji Mahadi yang bertajuk 'Bekaruh Bejarah Sampai Belurih' dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SHSB) telah memukau para juri sehingga meraih juara bagi Kategori 'A' Pertandingan Mari Bergerita 2024 yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Manakala naib juara pula disandang oleh Awang Ahmad

Harith Irfan bin Haji Umardani juga wakil dari Sekolah Arab SHSB dengan tajuk cerita 'Nya Nini Boi', sementara tempat ketiga ialah Awang Ahmad Muhammad Al-Ameen bin Abdul Rahman dari Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar dengan tajuk cerita 'Pahlawan Negaraku'.

Sementara juara bagi Kategori 'B' pula dimenangi oleh wakil dari Sekolah Al-Falaah, iaitu Dayang Anaa Sumayyah binti Muhammad Azya Azrine yang membawakan cerita berjudul



'Kumala Sayang - A Lullaby of Our Own'.

Manakala naib juara ialah cerita 'Honoring the Heritage : Aduk-aduk Dance' dibawakan oleh Dayang Nurul Airah Dania binti Muhammad Desmon Danish Ezwan dari Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Mohd. Jaafar, Kiarong, dan tempat ketiga diraih oleh Awang Md. Noor'syafi Aqil bin Md. Noorisma Rudy dari Sekolah Rendah Bengkuron dengan judul ceritanya 'More Than Just Old Sayings'.

Juara pertandingan membawa pulang wang tunai sebanyak BND500, manakala naib juara dan tempat ketiga, masing-masing menerima wang tunai sebanyak BND400 dan BND300.

Selain itu, para pemenang juga turut menerima sijil penghargaan, langganans setahun Majalah Mekar dan Naindung terbitan DBP serta hadiah sampingan tajaan daripada rakan-rakan strategik.

Pertandingan kali ini juga memilih Dayangku Nurul Sarah Atikah binti Pengiran Omar dari Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Sungai Akar sebagai pemenang kostum serta prop terbaik dan menerima hadiah tajaan sumbangan daripada rakan strategik DBP.

Penyampaian hadiah berkenaan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Terdahulu, Ketua Bahagian Perpustakaan, DBP, Dayang Emi Suryaney binti Haji Hipny selaku Setiausaha Majlis dalam ucapan alu-aluananya antara lain menjelaskan Pertandingan Mari Bergerita pada tahun ini membawa tema yang amat bermakna, iaitu 'Aku Anak Brunei' yang bertujuan untuk memupuk kecintaan kepada tanah air dan memahami nilai-nilai budaya dan identiti kita sebagai anak Brunei.

Tema berkenaan katanya, disampaikan melalui karya cerita

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



asli hasil ciptaan para peserta, mencerminkan pemikiran, kreativiti dan kebanggaan mereka terhadap Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Pada peringkat akhir pertandingan ini, kita akan menampilkan dua kategori, iaitu Kategori 'A' bercerita dalam bahasa Melayu serta Kategori 'B' bercerita dalam bahasa Inggeris dan seramai empat peserta dari setiap kategori bertanding di peringkat akhir hari ini," ujarnya.

Dayang Emi Suryaney juga menekankan betapa pentingnya membawa untuk perkembangan minda dan pembentukan sahsiah anak-anak *kitani* kerana membaca bukan sekadar kemahiran asas, ia adalah pintu kepada ilmu pengetahuan, imaginasi, dan kreativiti.

"Kajian telah menunjukkan bahawa anak-anak yang didedahkan kepada membaca sejak awal akan memiliki keupayaan komunikasi yang lebih baik, daya pemikiran kritis yang lebih tinggi dan empati yang mendalam terhadap dunia di sekeliling mereka.

"InsyaaAllah dengan adanya budaya membaca dalam kalangan

kanak-kanak ini akan dapat melahirkan generasi yang berpengetahuan yang akan menerusi pembangunan NBD pada masa hadapan," jelasnya lagi.

Melalui pertandingan seperti ini tambahnya, kita bukan sahaja menggalakkan anak-anak untuk membaca, bahkan, ia memberi peluang kepada mereka untuk meneroka cerita-cerita yang lebih mendalam, mencipta karya asli mereka, dan menyampaikan mesej-mesej penting kepada khalayak.

Menurutnya lagi, ini adalah proses yang akan membantu mereka menjadi individu yang lebih yakin, berpengetahuan, dan bersedia untuk masa depan.

Pada peringkat saringan sebelumnya, DBP telah menerima sebanyak 141 penyertaan daripada kanak-kanak berumur antara 8 hingga 12 tahun dari keempat-empat daerah.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit, para pegawai kanan, guru-guru besar, guru-guru, para pegawai dan kakitangan kerajaan.

Tip

Pendidikan







Aktiviti menarik hujung tahun persekolahan

Persekolahan hampir sampai ke penghujung. Para pelajar kebanyakan telah pun selesai menduduki Peperiksaan Akhir Tahun. Pihak sekolah boleh merancang pelbagai aktiviti yang menarik minat pelajar. Antaranya :

- Aktiviti yang berunsurkan pembelajaran seperti Hari Jualan, gubahan, *art and craft*, Lawatan Sambil Belajar dan sebagainya. Ini membolehkan pelajar menimba pengalaman selain meningkatkan pengetahuan.
- Adakan majlis meraikan pelajar cemerlang sebagai penghargaan. Ini akan membuat para pelajar berasa dihargai dan semakin bersemangat untuk menimba ilmu.
- Melakukan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan seperti aktiviti padang, bersukan, membuat pertandingan seperti Spelling Bee, Kuiz, Mari Bergerita dan sebagainya. Aktiviti ini mampu mengisi ruang akhir tahun dan mencipta kenangan bersama rakan-rakan dan guru-guru.
- Manfaatkan aktiviti akhir tahun dengan kempen kebersihan bilik darjah dan kawasan sekolah. Ini bertujuan untuk memupuk semangat dan menerapkan kesedaran menjaga kebersihan sekolah.
- Lakukan aktiviti seperti membuat poster atau kuiz pembelajaran sepanjang tahun. Aktiviti seperti ini akan menguatkan lagi minda pelajar.


**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

 MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN
PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan akan ditolak.





KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BIOS / JKSH / 03 / 2024 - 2025

Tajuk Sebut Harga:
Providing Technical Service For Fishery Products (Shrimp / Prawns / Feed) In Compliance To ISO/IEC 17025 Standards Complete With Logo Of Accreditation Bodies (E.G. SAMM, SAC SINGLAS, UKAS Etc.) On The Test Result Report

Tarikh Tutup Mengambil Borang Sebut Harga:
Khamis,
5 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
5 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



JABATAN PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Bilangan Tawaran :
JPKK / LTN2425 - T03 / ADM

Tajuk Tawaran:
The Supply and Delivery of One (1) 8-Seater Multi-Purpose Vehicle (MPV) For The Treasury Department, Ministry of Finance And Economy

Tarikh Tutup / Jam:
Selasa,
26 November 2024
(2.00 Petang)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Lembaga Tarawan Kecil, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibuka kepada Pemberong-Pemberong yang Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

Kelas:
IV atau V

Kategori:
M01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
19 November 2024.
(Selasa)

Tarikh Tutup:
3 Disember 2024.
(Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 28 / 2024

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Peralatan Hawa Dingin di Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 29 / 2024

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Peralatan Hawa Dingin di Bangunan Baharu, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jalan Muhibbah

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)



Dibuka kepada Pemberong-Pemberong yang berdaftar di dalam

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
30 Oktober 2024.

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
19 November 2024.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
26 November 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 30 / 2024

Nama Projek:
Membalik dan Menurap Semula Aspal Jalan Raya di Lebuhraya Lumut - Belait.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 31 / 2024

Nama Projek:
Membalik dan Menurap Semula Jalan Utama – Jalan Jerudong

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

Keterangan Projek:
Membekal Pakaian Seragam bagi Bahagian Pengurusan Letak Kereta, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

Bilangan Tawaran:
08 / BBS / LK / 152 / QABPLK

Keterangan Projek:
Sebut Harga bagi Membekal Pakaian Seragam bagi Bahagian Pengurusan Letak Kereta, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

Tarikh Buka :
Isnin,
18 November 2024.

Tarikh Tutup:
Selasa, 3 Disember 2024.

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Waktu Kaunter Pembayaran:
Isnin – Khamis:
8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
1.30 Petang – 3.00 Petang

Sabtu:
8.00 Pagi – 10.00 Pagi

Tutup pada Jumaat, Ahad dan Hari – Hari Kelepasan Awam



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 26

Tajuk Tawaran:
Customer Service Excellence Training for Hospitality and Tourism Industry

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
28 November 2024.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

DA / JKSH / 135 / 2024 / 2025 [UPP-NOV-2024]

Sebut Harga
Bagi Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer Yang Tidak Mencukupi Di Dalam Simpanan Stor, Bagi Kegunaan Unit Stor dan Perbekalan, Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Perbekalan Kementerian Pendidikan.

Bayaran Yuran
Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh
Tutup / Waktu :
Sabtu,
30 November 2024.
(Jam 9.00 Pagi)



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang



سمبه ستيغكي-تيغكي منجونجوغ كاسيه كهادقن مجلس
كباوه دولي يغمها مليا قادك سري بكندا سلطان حاج حسن البلقيه معزالدين والدولة
ابن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين،
سلطان دان يغد فرتوان نكارا بروني دارالسلام
چنساورکوليج یونیبرسیتی ڤرکوروان اكام سري بکاون

يڠ تله برکن براغكت برچمر دولي دان ستروشن
برکن مغورنياكن تيته دان مغانوگره肯 اجازه
دان ديقلوما دالم مجلس کونفوکيشن ل-۱۴
کوليج یونیبرسیتی ڤرکوروان اكام سري بکاون

ڦد هاري خميس، ۱۹ جمادى الأول ۱۴۴۶ هـ برساماءن ۲۱ نوفيمبر ۲۰۲۴ م
برتمفت دديوان ڦليناري، ڦوست ڦرسيدغۇن انتارابغسا، براكس
نكارا بروني دارالسلام

دسمېه肯 اوليه
اهلي-اهلي مجلس، رئيس دان سلوروه ورگ
کوليج یونیبرسیتی ڤرکوروان اكام سري بکاون

RB RAIH 2 ANUGERAH APEX BEST IN AIRLINE

Siaran Akhbar dan Foto : Syarikat Penerbangan Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. – Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines-RB) telah merangkul dua anugerah iaitu Best in Cabin Service dan Food and Beverage Award in East Asia semasa Majlis Anugerah APEX Best in Airline Awards yang berlangsung di FTE APEX Asia EXPO, Marina Bay Sands, Singapura.

Berdasarkan lebih sejuta undian penumpang yang disahkan melalui Tripti® daripada Concur®, anugerah berprestij ini meraikan dedikasi RB yang tidak berbelah bahagi untuk menyampaikan perkhidmatan dalam penerbangan dan pengalaman masakan yang luar biasa kepada penumpang.

Menerima anugerah tersebut bagi pihak RB ialah Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid.

"Ini merupakan satu keistimewaan untuk menerima anugerah ini bagi RB. Dikenali oleh

penumpang kami atas dasar apa yang kami lakukan dengan menyediakan perkhidmatan serta pilihan makanan dan minuman yang luar biasa adalah bukti dedikasi kru kabin kami dan semua mereka yang bekerja tanpa jemu di belakang tabir untuk menyampaikan pengalaman ini.

"Pengiktirafan ini adalah penting ketika kami meraikan Ulang Tahun Ke-50, mengukuhkan komitmen untuk kecemerlangan dan semangat ikhlas membimbangi setiap bahagian perkhidmatan kami," jelasnya.

Penganugerahan hari ini menambah satu lagi peristiwa penting dalam Sambutan Ulang Tahun Ke-50 RB. Kini, lima dekad kemudian, anugerah ini berfungsi sebagai peringatan tentang evolusi syarikat penerbangan itu daripada syarikat penerbangan serantau yang kecil kepada syarikat penerbangan bertaraf dunia yang terkenal dengan keikhlasan dalam perkhidmatan yang mencerminkan

nilai layanan mesra.

Pada tahun ini, RB telah mencapai banyak kejayaan termasuk pengumuman pembaharuan armada melalui pembelian empat pesawat Boeing 787-9, pelancaran perkhidmatan yang bertujuan untuk meningkatkan pengalaman tetamu seperti RB SkyShop dan RB SkySavour dan pengenalan destinasi baharu seperti Chennai dan Balikpapan.

RB juga mengajurkan acara penting, termasuk Sesi Pembangunan Kapasiti Bahan Api Penerbangan Mampan bersama dengan Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) dan Perhimpunan Pemimpin Persatuan Syarikat Penerbangan Asia Pasifik (AAPA) Ke-68.

Selain itu, RB telah dianugerahkan dengan anugerah Muslim Friendly Airline of the Year oleh Halal E-Travel Awards dan Penarafan empat Bintang bagi Kategori Major Airline 2025.

Ketika RB meraikan pencapaian penting ini, ia kekal fokus pada



SYARIKAT Penerbangan Diraja Brunei merangkul dua anugerah iaitu Best in Cabin Service dan Food and Beverage Award in East Asia semasa Majlis Anugerah APEX Best in Airline Awards yang berlangsung di FTE APEX Asia EXPO, Marina Bay Sands, Singapura.

masa depan, seajar dengan Wawasan Brunei 2035, untuk masa depan yang dinamik dan mampu dengan sentiasa berinovasi,

menambah baik dan menerima amalan kemampanan, RB komited untuk menyokong matlamat negara di peringkat global.

Taklimat fokuskan keadaan cuaca semasa NBD

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BERAKAS, Khamis, 21 November. – Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), pagi tadi mengadakan Taklimat Cuaca Kebangsaan Kali Ke-24 bertempat di Dewan Auditorium Jabatan Penerangan dan telah dihadiri oleh seramai 100 wakil daripada agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan orang ramai.

Taklimat Cuaca Kebangsaan kali ini telah disampaikan oleh Pegawai Kajicuaca, Awang Mohd Noor'Arifin bin Haji Awang Yussof, mengenai Monsun Timur Laut dan Peralihan Monsun.

Taklimat Cuaca Kebangsaan merupakan salah satu inisiatif BDMD dalam usaha meningkatkan penglibatan kumpulan-kumpulan pengguna seperti Kumpulan Tindakan Awal dan Keselamatan, Kumpulan Ekonomi dan Industri, syarikat-syarikat pembinaan, syarikat-syarikat insurans, Perusahaan Kecil dan Sederhana serta pihak media massa.

Matlamat utama Taklimat Cuaca Kebangsaan diadakan ialah untuk meningkatkan kefahaman dan kepekaan pelbagai kumpulan pengguna dan orang ramai mengenai dengan keadaan cuaca semasa bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Selain itu, ia juga akan dapat memudah cara kesiap-siagaan Kumpulan pengguna dan orang ramai dalam membuat perancangan dan sebarang tindakan awal dalam menghadapi sebarang keadaan cuaca.

Taklimat Cuaca Kebangsaan Kali Ke-24 ini telah memfokuskan kepada keadaan cuaca, iklim dan ramalan cuaca jangka panjang bagi Monsun Timur Laut yang telah bermula pada 19 November 2024 dan dijangka akan berterusan sehingga hujung bulan Mac 2025, dan juga bagi tempoh peralihan monsun bermula dari bulan April sehingga hujung bulan Mei 2025.

Pada dua bulan pertama Monsun Timur Laut (Disember 2024 dan Januari 2025), dikenali sebagai Musim Tengkujuh, negara lazimnya mencatatkan jumlah

turunan hujan yang tinggi dengan hari berhujan yang banyak berbanding bulan-bulan yang lain. Semasa tempoh ini, keadaan cuaca adalah tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Semasa tempoh separuh kedua Monsun Timur Laut (Februari dan Mac 2025), keadaan atmosfera cenderung menjadi lebih stabil dengan pengurangan aktiviti turunan hujan.

Manakala sepanjang tempoh peralihan monsun, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca cerah pada waktu pagi dan hujan berasingan berlaku di kawasan pesisiran sekitar tengah hari.

Kekerapan kejadian ribut petir adalah tinggi semasa tempoh peralihan monsun in berbanding bulan-bulan yang lain, terutamanya di kawasan pedalaman negara pada sebelah petang dan merebak ke kawasan pesisiran dan perairan negara pada waktu malam, dan kadangkala berlanjut sehingga awal tahun 2025.

Berdasarkan jangkaan iklim bermusim terkini yang dikeluarkan oleh pusat iklim dunia, fenomena La Nina dijangka terbentuk sekitar bulan ini dan berterusan sehingga awal tahun 2025.

Kehadiran fenomena La Nina

tersebut diramalkan akan

menambah jumlah turunan hujan

di negara kita bagi beberapa bulan

yang akan datang.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari masa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peralaman cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang

www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram Brunei Weather.



JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI SEMASA MENGADAKAN TAKLIMAT CUACA KEBANGSAAN KALI KE-24.

Orang ramai dialu-alukan hadir

PROGRAM BTB (BISAI TAH BERJEMAAH)

TARIKH: 24hb November 2024
HARI: Ahad (Pagi)

TEMPAT: Taman Sir Muda Omar Ali Saifuddien

Antara Aktiviti Program BTB di Bandarku Ceria:

- Pameran 'Booth' dari beberapa Agensi.
- Kuiz Kekeluargaan / Pelbagai Aktiviti Menarik
- Aktiviti Mewarna Bagi anak-anak di bawah umur 12 tahun.

Anjuran: Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama

bknk.syariah@gmail.com

AWANGKU MD. IFWAT WAZIF JOHAN PERTANDINGAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2024



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Ihsan IBTE



PARA pemenang Pertandingan Kemahiran Kebangsaan 2024 semasa sesi bergambar ramai (kiri). Manakala gambar atas, pertandingan yang diadakan di Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal itu bertujuan untuk menyediakan platform bagi tukang masak muda untuk memperkenalkan kemahiran, kreativiti dan inovasi mereka.

JALAN MUARA, Rabu, 20 November. — Pertandingan Kemahiran Kebangsaan 2024 kali ini menyaksikan enam peserta mewakili Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE) Kampus Sultan Saiful Rijal dan Kolej Perniagaan Laksamana (LCB) bertanding dalam menyediakan, memasak dan menyampaikan tiga hidangan khusus mereka kepada panel hakim dalam masa enam jam.

Pertandingan yang diadakan di Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal itu bertujuan untuk

menyediakan platform bagi tukang masak muda untuk memperkenalkan kemahiran, kreativiti dan inovasi mereka dan pada masa yang sama meraih pengalaman praktikal dalam persekitaran seperti profesional (*professional-like environment*).

Di samping itu, ia juga bagi meningkatkan pembangunan diri dan penyelesaian masalah, menggalakkan rangkaian merentas institut, menawarkan pengiktirafan daripada pakar industri untuk memberi inspirasi kepada kerjaya masakan masa

dengan.

Para peserta terdiri daripada Mohammad Nabil Zufayri bin Nazaruddin, Awangku Md. Ifwat Wazif bin Pengiran Haji Sohardi dan Nur Aainaa Imanina binti Haji Mohamad Rosli dari IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal manakala Dayang Ezzatul Haziyah binti Mohammad Norariffin, Nur Hayani Afifah binti Mohammad dan Caden Tan hang Yee mewakili LCB.

Ahli-ahli panel pakar dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Kategori Pertama, penyediaan masakan sesebuah organisasi dan

Kategori Kedua, Blind Tasting di mana para panel hakim tidak dibenarkan melihat peserta semasa pertandingan.

Pakar-pakar hakim dijemput dari institut dan industri yang diwakili oleh Dayang Fatmah binti Haji Mahadi dan Norfadhilah binti Mohd Yahya (LCB), Awang Ridzuan bin Haji Ismail, Muhd Aziz Syafi'e bin Haji Mokhsen, Mumtazah Salwa binti Haji Omar Ali (IBTE), Siti Khairunissa binti Haji Jabair, Cef Rezal Othman dan Cef Sofiandy Haji Mahadi dari Royal Brunei Culinary (RBC).

Pada pertandingan tersebut, tempat pertama dan kedua masing-masing dimenangi oleh Awangku Md. Ifwat Wazif dan Nur Aainaa Imanina dari IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal dan tempat ketiga diraih oleh Dayang Ezzatul Haziyah dari LCB.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Pemangku Ketua Sekolah, Awang Muhd Fadhil bin Haji Abu Bakar bertempat di IBTE Longhouse Training Restaurant di Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal.

Penghargaan kepada pelajar cemerlang ITQSHHB

Siaran Akhbar dan Foto : Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah



KETUA Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek-projek Khas Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfeloh, yang juga selaku Ahli Jawatankuasa Akademik dan Peperiksaan ITQSHHB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Takreem Thullab Al-Mutafawwiqeen (atas dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. — Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) menganjurkan Majlis Takreem Thullab Al-Mutafawwiqeen pagi tadi bertempat di Musolla ITQSHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis tersebut ialah Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek-projek Khas Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfeloh, yang juga selaku Ahli Jawatankuasa Akademik dan Peperiksaan ITQSHHB.

Turut hadir, Pemangku Pengetua, Timbalan-timbalan ITQSHHB,

pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan ITQSHHB serta para pelajar dari sekolah-sekolah yang dijemput.

Atur cara majlis termasuk Persembahan Bacaan Al-Quran oleh Awang Muhammad Naufal Darwisy bin Abdullah, siswa Diploma 'Aliyah Qiraat Tahun 3, diikuti dengan ucapan daripada Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Muhammad Ali Sabri bin Haji Yusof.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian hadiah dan anugerah kepada siswa-siswi cemerlang.

Awang Ahmad Hamizan @Ahmad Aidilridha bin Haji Laidin telah menerima Anugerah Ja'izah Khassah Litiholib Al-Mithali.

Anugerah ini adalah anugerah khas untuk siswa yang mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif 4.0 dalam modul Tahfiz Al-Quran, Qiraat Teori, Qiraat Amali dan keseluruhan modul Diploma 'Aliyah Qiraat.

Selain itu, penerima anugerah merupakan seorang siswa yang aktif dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan di dalam dan di luar institut. Penerima tersebut juga merupakan antara penerima Elaun Ujian Tasmie' 30 Juzuk Al-Quran.

Antara objektif majlis adalah untuk memberi penghargaan dan memberi pengiktirafan kepada siswa-siswi atas pencapaian

akademik dan kurikulum yang cemerlang sepanjang tahun. Di samping itu, untuk menyemarakkan semangat persaingan yang positif di kalangan pelajar di institut berkenaan.

جامعة فراتنافل الجامعية
جامعة فراتنافل الجامعية
FIRATUN NAFAL UNIVERSITY
KEMENTERIAN KEUANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

KHATAM AL-QURAN SEMPENA PUJA USIA



PERSATUAN Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) semasa menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

ANGGEREK DESA, Jumaat, 22 November. – Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) hari ini menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam yang berlangsung di Ibu Pejabat PPPBD, Anggerek

Desa, Berakas.

Sebanyak tiga kumpulan pembaca yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Tadbir, Pemimpin-pemimpin Dewasa, Pemimpin-pemimpin

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Sementara itu, bacaan Doa Khatam Al-Quran dipimpin oleh Pesuruhjaya Pemimpin Muda PPPBD, Dr. Mariam binti Haji Abdul Rahman.

Manakala bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd. Ghani.

Teradahulu, bacaan surah-surah

dimulai dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Selawat Tafrijiyyah, Doa Sebelum Membaca Al-Quran dan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd. Ghani.

Kemudian diikuti dengan bacaan Takhtim oleh peserta-peserta Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh peserta-peserta Pemimpin Muda.

Adapun tujuan diadakan majlis ini khusus bagi meraikan Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Ia juga dapat memupuk budaya membaca, memahami dan mendalamai Al-Quran di kalangan ahli persatuan sekali gus mendidik ahli-ahli dari aspek kerohanian dan bagi ahli-ahli lebih mendekatkan diri kepada Al-Quran yang merupakan panduan hidup yang lengkap.

Ikhlas, disiplin dalam menuntut ilmu raih kejayaan

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 November. - Menjadi bakal guru yang melahirkan generasi yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya merupakan cita-cita setiap graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Pelita Brunei baru-baru ini berkesempatan menemu bual beberapa graduan yang berjaya menamatkan pengajian mereka dengan cemerlang semasa Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Salah seorang graduan Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dengan Minor Pendidikan Khas, Dayang Siti Noor Azlianawati Nazeerah binti Haji Aliuddin mengongssikan pelbagai cabaran yang dihadapi sepanjang pengajiannya di KUPU SB.

Antaranya, sebagai pelajar yang mengambil jurusan Pendidikan Khas, mereka perlu mengetahui beberapa strategi pengajaran yang sangat berbeza berbanding guru biasa seperti menerapkan strategi Action Research iaitu memberikan pengajaran dengan masa yang sama mencari strategi mengenai kesesuaian pelajar tersebut.

"Bakal guru ugama juga harus mengikuti perkembangan semasa di mana pelajar yang hidup dengan teknologi multimedia ini sangat berkembang pesat

dan para bakal guru perlu mengikuti perkembangan dengan menyelaraskan pembelajaran.

"Oleh itu, kita perlu sentiasa ikhlas dalam menuntut ilmu dan sentiasa mencari ilmu-ilmu baharu dalam meningkatkan pengalaman dan pengetahuan," tambahnya lagi.

Sementara bagi Awangku Muhammad Izzuddin bin Pengiran Bahrin pula antara cabaran yang dihadapinya ketika negara menghadapi wabak COVID-19 di mana belajar secara maya ini tidak pernah dibuat sebelum ini di mana-mana institusi pengajaran tinggi. Ia sedikit sebanyak menyukarkan pembelajaran kerana belum terbiasa dengan norma baharu tersebut.

"Walau bagaimanapun, dengan tunjuk ajar dan bimbingan daripada para pensyarah serta dorongan dan doa daripada ibu bapa, saya dapat mengadaptasi dan mampu melaksanakan segala tugas dengan baik. Begitu juga dengan sahabat seperjuangan yang sentiasa mengingati satu sama lain



AWANGKU Muhammad Izzuddin bin Pengiran Bahrin.

agar tidak lalai dan leka," jelas graduan Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Bahasa Arab itu.

Manakala bagi penerima Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab), Awang Mohammad Amirul Hakim bin Mohammad Hasnan melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Watal'ala atas kejayaan yang diperoleh dan berasaskan segala usaha titik peluh dan jerih payah dalam menimba ilmu akhirnya membuatkan hasil.

Beliau berharap para graduan tahun ini untuk tidak mensia-siakan ilmu yang dipelajari dan segala ilmu tersebut dicurahkan kepada anak-anak bangsa sekali gus

menyambung amanah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyampaikan dakwah Islam.

Bagi penerima Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), Dayang Siti Noor Azlianawati Nazeerah binti Haji Aliuddin menyatakan rasa syukur atas kejayaan dan pengiktirafan yang diperoleh, dalam meraih ilmu dan kejayaan disiplin diri perlu ada, iaitu pengurusan masa, keluarga dan kerjaya.

Begitu juga tambahnya, dorongan daripada keluarga, kata-kata semangat menjadi motivasi untuk terus berusaha dan mencapai kejayaan. Selain itu, nasihat dan bimbingan daripada pensyarah serta mentor juga memberikan arah yang jelas dalam pengajian.

"Saya berhasrat dah berharap agar dapat mengaplikasikan serta



DAYANG Siti Noor Azlianawati Nazeerah binti Haji Aliuddin dan Dayang Siti Noor Azlianawati Nazeerah binti Haji Aliuddin (kiri dan kanan).

menerapkan segala ilmu yang dipelajari dalam bakal menjadi seorang guru yang bukan sahaja berilmu tetapi berkesan," ujarnya.



AWANG Mohammad Amirul Hakim bin Mohammad Hasnan.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Tingkatkan Ekonomi Menerusi Bidang Pertanian'. Tarikh Tutup : 27 November 2024
- 'AI Membawa Kebaikan Atau Keburukan?'. Tarikh Tutup : 4 Disember 2024
- 'Merokok Membahayakan Diri, Keluarga dan Negara'. Tarikh Tutup : 11 Disember 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negera Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negera Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Menangi

BND75

SETIAP MINGGU



Ingatan buat nenek

Oleh : Fizzy
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

KRING!!!..." bunyi jam loceng dari telefon bimbit Amira mengejutkannya. Amira langsung menekan punat *stop* sekali gus ruangan bilik tidur Amira kembali sepi. Hari ini Amira perlu membangunkan anak-anak cepat kerana hari Peperiksaan Akhir Tahun akan bermula pada hari itu. Rasa kesal di dalam hati Amira menebal kerana dia merasa tidak cukup masa untuk memberikan latih tubi untuk anak-anaknya yang bersekolah di Tahun 1, 3 dan 4. Kesibukan di tempat kerja membuatnya keletihan. Hanya doa dan tawakal sahaja yang bersisa.

Keluar dari bilik tidur kelihatan anak Amira yang pertama sedang menyiapkan diri untuk ke sekolah. Azeem memang akan bangun awal setiap hari dan dia boleh menyiapkan diri sendiri malah akan membantu Amira untuk menyiapkan Aisyah iaitu anak Amira yang bongsu.

"Azeem sudah berus gigi?" sengaja Amira bertanya sebagai ingatan.

"Sudah" jawabnya pendek.

Amira bergegas mandi dan kemudian membangunkan Azeez pula iaitu anak keduanya yang akan mengambil sedikit lebih masa untuk bangun termasuk Aisyah yang akan menjadi orang terakhir bangun. Begitulah rutin harian Amira setiap pagi. Amira akan tergesa-gesa bagi memastikan anak-anak dan dia sendiri tidak lewat hadir ke sekolah atau tempat kerja.

Pejam celiak tidak terasa empat hari sudah berlalu dan berlalu sudah hari peperiksaan untuk anak-anak Amira. Sekarang adalah kesibukan untuk menyiapkan barang keperluan untuk sesi persekolahan pada tahun hadapan. Prinsip Amira, dia mesti membuat persiapan lebih awal kerana tidak mahu perbelanjaan untuk membeli buku-buka anak terasa lebih berat jika dilakukan serentak dalam satu masa sahaja.

"Mama, cuti hujung tahun kita belayarkah?" Tanya Azeez tiba-tiba.

"Hmmm .. belum tahu lagi. Kalau ada rezeki boleh lah. Mama mahu ke Kuching atau Kota Kinabalu sahaja," tahun ini saja sudah ke luar negara beberapa kali termasuk balik kampung ibu Amira di Sandakan, bisik hati Amira.

Pertanyaan Azeez itu membawa Amira

pada kenangan mereka yang baru saja balik kampung di Sandakan, Sabah pada hujung tahun lalu. Sudah agak lama juga mereka tidak balik kampung disebabkan jarak jauh dan kewangan yang tidak mengizinkan. Lagi pula anak-anak Amira juga sebelum ini masih kecil-kecil dan tidak selesa untuk membuat perjalanan yang panjang. Tahun ini anak-anak Amira sudah boleh diajak jalan-jalan termasuk untuk perjalanan yang panjang.

Untuk perjalanan kali ini, Amira bersama ibu serta dua orang adiknya ikut dalam perjalanan balik kampung. Pagi itu, mereka bertolak lebih awal dan bercadang untuk menaiki bas ke Kota Kinabalu sebelum berlepas ke Sandakan.

"Kalau satu buah kereta kita boleh muat, boleh naik kereta ke KK saja tidak perlu naik bas" Amir adik lelaki Amira mengusulkan cadangan selepas sampai di Lawas.

"Okay tapi sampai KK saja, dari KK kita naik bas ke Sandakan" Amiza adik Amira yang perempuan memberikan persetujuan. Kereta akan ditinggalkan di rumah anak saudara ibu Amira yang dikenali sebagai kak Aiza.

Setelah makan pagi di pasar Lawas, mereka berangkat ke Kota Kinabalu. Ini perjalanan panjang pertama untuk anak-anak Amira dan berharap agar semua berjalan lancar. Tidak ada banyak tempat menarik di Sandakan, Sabah tetapi kenangan bersama keluarga sebelah ibu adalah sangat bermakna termasuk kenangan bersama nenek kesayangan Amira yang jarang sekali ditemuiinya lebih-lebih lagi mereka juga meninggal dunia pada usia Amira masih kecil tetapi ingatan untuk sosok nenek itu masih utuh dan tidak mungkin akan dapat dilupakan.

Perjalanan ke Kota Kinabalu tidak terasa lama. Banyak yang mereka bualkan sambil mengenang kembali kenangan-kenangan ketika balik kampung.

"Ingin dulu, tayar kereta bapa pernah pancit di gunung?" Amir bertanya. Peristiwa itu memang tidak akan pernah dilupakan. Ia terjadi pada waktu subuh. Suasana di atas gunung agak gelap, sunyi dan menyeramkan. Amira dan keluarga terpaksa

menunggu untuk sesuatu yang tidak pasti. Nasib baiklah ada orang baik yang memberi pertolongan sebelum mereka dapat menyambung kembali perjalanan ke Sandakan yang akan mengambil masa 6 jam. Perjalanan menaiki kereta sendiri juga tidak boleh dilakukan setiap tahun disebabkan kewangan yang sempit.

"Terakhir aku ikut balik kampung tahun 2012 mungkin" Amiza cuba mengingat. Setelah berganjak remaja memang Amira tidak dapat balik ke kampung bersama keluarga sepenuhnya. Kadang kesibukan masing-masing menyebabkan ada yang tidak boleh ikut bersama.

Kira-kira jam 6.00 petang, Amira sampai di Inanam. Amira membawa ibu, adik serta anak-anaknya untuk makan malam. Malah Amira sengaja membeli lebih untuk dibawa naik bas untuk perjalanan ke Sandakan yang akan bertolak pada jam 8. Teringat Amira ketika waktu kecil dulu, kewangan keluarga tidak seperti hari ini. Anak-anak boleh memesan apa saja mereka mahu makan sedangkan dalam ingatan Amira untuk makan saja mereka terpaksa berjimat walaupun untuk perjalanan yang panjang. Amira merasa terharu melihat anak-anak boleh menikmati makan malam di salah sebuah gerai makan di sana dengan cukup berselera. Kalau dulu, untuk minum pun Amira terpaksa menahan rasa haus lebih lama kerana tidak mahu membebani orang tua.

Dapat balik kampung empat tahun sekali sudah cukup membuat Amira gembira. Amira dan adik-beradik lain juga faham dengan kekangan duit yang dialami orang tua. Peluang untuk berjumpa dengan nenek tersayang itu lebih berharga kerana Amira merasa kasih sayang nenek yang jarang dijumpai itu lebih terasa. Amira masih ingat bagaimana nenek lelaki sebelah ibunya akan melayan mereka dengan penuh kasih sayang. Nenek yang pada awalnya tidak diketahui Amira serta adik-beradik lain bahawa itu adalah hanya nenek tiri. Amira hanya mengetahui setelah nenek kesayangan mereka itu meninggal dunia, itu pun setelah ibu Amira menyatakan hasrat untuk menziarahi ayah kandungnya yang sedang tenat.

Amira masih ingat bagaimana dia menangis di bilik tidurnya setelah mendapat khabar nenek kesayangannya meninggal dunia. Kali terakhir berjumpa enam bulan sebelum neneknya meninggal dunia dan tidak ada ucapan selamat tinggal malah Amira juga tidak dapat menghadirkan diri di upacara pengebumian dan sebagainya disebabkan perjalanan yang akan mengambil masa lebih dari 8 jam serta kewangan tidak mencukupi untuk mereka balik ke kampung. Hanya air mata menjadi saksi perpisahan jarak jauh.

Itu belum lagi mengenang, nenek perempuan sebelah ibunya meninggal dunia pada tahun 1999. Amira ketika itu masih bersekolah dalam Darjah 3. Saban hari ketika nenek Amira sakit dia memanggil-manggil nama ibu Amira tapi keadaan juga tidak mengizinkan untuk mereka berjumpa buat kali terakhir. Tidak ada peluk dan cium. Hanya cerita-cerita yang tinggal untuk didengar. Nenek Amira pada setiap tahun malam takbir Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha akan duduk di luar rumah menunggu kepuungan Amira serta keluarga tetapi tidak pernah sekalipun penantian itu diakhiri dengan kebahagiaan kerana Amira memang tidak pernah balik kampung untuk merayakan Aidilfitri atau Aidiladha di sana. Amira tidak dapat membayangkan betapa sedih dan hancurnya hati seorang ibu yang menunggu kepuungan anak, menantu serta cucu-cucu yang tidak pernah ditatangnya untuk jangka lebih daripada lima hari.

Kenangan yang menyakitkan itulah yang terpahat dalam hati dan ingatan Amira setiap kali balik kampung. Air mata Amira tidak dapat ditahan lebih-lebih lagi ketika terpaksa meninggalkan kampung halaman ibunya. Meski tidak banyak kenangan tetapi kesungguhan nenek Amira menunggu kepuungan mereka sangat berharga. Jika boleh di undur waktu, Amira mahu kembali ke pangkuhan nenek tercinta dan mengubah sumber ekonomi keluarga tetapi perkara itu mustahil untuk terjadi melaninkan Amira hanya terpaksa reda. Amira selalu berdoa semoga Amira dapat berjumpa dengan nenek kesayangan di akhirat kelak. Amin!



Lupuskan 'besi buruk' yang menyakitkan mata

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

MENYAKITKAN mata, merosakkan pemandangan, itulah kata-kata yang boleh menjelaskan keadaan yang kurang enak dilihat apabila kereta-kereta usang yang terbiar dibiarakan tanpa sebarang usaha untuk membuangnya ke tempat pelupusan khas.

Lebih menyedihkan lagi kereta yang ditinggalkan ini akhirnya menjadi sarang binatang-binatang seperti tikus, ular yang boleh mengancam nyawa. Sikap tidak peduli seperti ini perlu dikikis kerana pemandangan seperti ini boleh mencemarkan nama dan imej negara kita.

Peninggalan kenderaan usang ini banyak kelihatan terbiar di kawasan perumahan dan bahu jalan mahupun di kawasan komersial. Keadaan ini mencacatkan pemandangan lebih-lebih lagi apabila kenderaan ini terbiar untuk tempoh masa lama sehingga menjadi tempat pembiakan haiwan dan serangga serta dipenuhi lalang. Membiaran kenderaan terbiar oleh orang yang tidak bertanggungjawab sering kali mendatangkan masalah kepada orang awam seperti menyukarkan untuk meletakkan kenderaan mereka di kawasan letak kereta selain menjajaskan pandangan serta mencemarkan alam sekitar.

Bertanggungjawab dengan kenderaan awda

Keinginan untuk memiliki kereta memang tidak dinafikan menjadi sebab kenapa bilangan kereta semakin bertambah setiap tahun. Ini ditambah lagi dengan pinjaman yang mudah dari bank menyebabkan

permintaan pembelian kereta semakin meningkat.

Penggunaan kenderaan persendirian ini dilihat memerlukan satu pengurusan holistik, yang mana kenderaan digunakan mempunyai jangka hayat tertentu. Kebanyakan pengguna menggunakan kenderaan peribadi untuk tempoh tujuh hingga ke sembilan tahun, sesuai dengan bayaran pinjaman kenderaan yang perlu dilunaskan.

Walau bagaimanapun, kenderaan yang sudah melepas lebih 10 tahun sering menimbulkan masalah kepada tuannya. Apabila usia kenderaan ini mencapai tempoh akhir hayat, sudah tentu ia tidak boleh diselenggara dan tidak lagi sesuai untuk dibaiki kerana terlalu usang dan alat ganti diperlukan tidak lagi dijual. Enjin rosak serta masalah dalaman yang mungkin menyebabkan perbelanjaan yang lebih daripada sepatutnya menyebabkan ada sesetengah pemilik kenderaan yang tidak berkemampuan untuk membaiki kenderaan tersebut meninggalkan kereta mereka di tempat yang bukan sepatutnya dan kereta tersebut akhirnya terbiar begitu sahaja. Dengan keadaan ini, jalan mudah untuk melupuskan kenderaan ini adalah dengan membiaran ia tersadai di bahu jalan menjadi 'besi buruk'.

Sikap segelintir orang yang tidak bertanggungjawab seperti ini perlu ditangani dengan bijak. Mereka ini perlu diberi amaran keras atau diambil tindakan dan dikenakan denda jika gagal memindah kereta yang terbiar itu. Para pemilik kenderaan usang perlu mengambil inisiatif menyelesaikan masalah kenderaan mereka. Jika ada modal, mereka boleh membaik pulih kenderaan tersebut dengan melarai dan menjual

alat-alat kenderaan mereka yang masih boleh digunakan sebagai alat ganti. Malah, ada juga pemilik kenderaan yang kreatif menjadikan kenderaan usang mereka sebagai hasil seni.

Menangani kereta terbiar

Isu kereta terbiar ini memang sudah mendapat perhatian pihak-pihak yang berkenaan. Tindakan juga telah diambil bagi membisaikan persekitaran dengan melupuskan kereta tersebut.

Dalam satu Siaran Akhbar Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan syarikat-syarikat pelupusan kenderaan (*vehicle scrap companies*) di negara ini, telah mula melaksanakan projek menangani isu kenderaan terbiar seluruh negara ke arah kebersihan alam sekitar dan pembatalan kenderaan berkenaan (*Nationwide environment clean-up project on abandoned vehicles leading to the 'deregistration' of vehicles*) bermula pada 6 April 2017.

Bahagian Pengurukuasaan Undang-undang, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JBBSB) bersama JPD melaksanakan Projek Kebangsaan AVNP (Abandoned Vehicles Nationwide Clean-Up Project) yang mana matlamat projek berkenaan adalah bagi memastikan pematuhan Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, Penggal 30, Pindaan 2021.

JBBSB mengingatkan bahawa di bawah Bab 12(1) (f) Penggal 30 Perintah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian Pindaan 2021, mana-mana kenderaan terbiar di tempat awam boleh dikenakan denda sehingga BND1,000 bagi mana-mana

individu dan BND2,000 bagi mana-mana badan ataupun syarikat bagi sebuah kenderaan.

Sehubungan itu, sepanjang tahun 2023, sebanyak 72 buah kenderaan dipercayai terbiar lama di kawasan-kawasan letak kereta awam dan di kawasan tepi jalan raya tanpa kebenaran yang sah, dan sebanyak 16 buah daripada jumlah berkenaan dipindahkan ke tapak pelupusan melalui Jawatankuasa Abandoned Vehicles Nationwide Clean-Up Project.

Orang-orang perseorangan atau pemilik bengkel-bengkel membali pulih kenderaan hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dan mengamalkan sifat bertanggungjawab terhadap kebersihan alam sekitar dan demi kemaslahatan orang ramai dengan memindah atau melupuskan kereta rosak yang sudah tidak lagi dipakai atau tidak lagi dapat dibaiki di tempat yang sepatutnya dan tidak membiarkan kereta-kereta tersebut berlonggok-longgok di kawasan bengkel atau di tempat awam kerana ini dapat mencacatkan pemandangan dan sekali gus boleh mendatangkan bahaya.

Kesimpulan

Fenomena kereta terbiar yang tidak ditutut boleh menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan masyarakat. Isu ini sememangnya menimbulkan pelbagai kesan negatif termasuk gangguan pemandangan, masalah keselamatan dan pencemaran alam sekitar. Sikap bertanggungjawab serta peka dengan persekitaran yang sihat seharusnya perlu ada dalam diri seseorang individu. Mereka perlu memainkan peranan dan melupuskan kenderaan lama milik mereka dengan sukarela dan bukannya sengaja membiarkan kereta mereka tersadai.



KUNJUNGAN MUHIBAH ERATKAN SILATURAHIM, UKHUWAH

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

BELAIT, Rabu, 20 November. - Pejabat Unit Dakwah Daerah Belait pagi tadi mengadakan Kunjungan Muhibah (Dakwah Khas) kepada non-Muslim diselajurkan dengan meninjau kebajikan para mualaf yang menetap di Rumah Panjang Biadong Ulu, Rumah Panjang Punan dan Rumah Besar Sukang, Mukim Sukang, di daerah ini.

Kira-kira 20 pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) menyertai lawatan tersebut diketuai oleh Ketua Pejabat Unit Dakwah Daerah Belait, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Kunjungan Muhibah bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dan ukhuwah antara para pegawai

serta kakitangan Pejabat Unit Dakwah Belait dengan penghuni-penghuni di rumah-rumah panjang berkenaan, dan kalangan non-Muslim dengan penghuni mualaf di sana.

Di samping untuk mengelurga kebaikan mualaf dengan menghulurkan bantuan berbentuk makanan asasi, lawatan juga adalah untuk memberi bimbingan tarbiah kepada saudara-saudara baharu.



PEJABAT Unit Dakwah Daerah Belait semasa mengadakan Kunjungan Muhibah (Dakwah Khas) kepada non-Muslim diselajurkan dengan meninjau kebajikan para mualaf yang menetap di Rumah Panjang Biadong Ulu, Rumah Panjang Punan dan Rumah Besar Sukang, Mukim Sukang (atas dan kiri).

Seminar bincangkan pemeliharaan budaya, inovasi pelancongan



PERSATUAN Usahawan Muda Brunei (Young Entrepreneurs Association of Brunei-YEAB) baru-baru ini menyertai Seminar on Culture and Tourism Empowering High-Quality Rural Development for ASEAN Countries (Landing Project) di China.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Usahawan Muda Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Persatuan Usahawan Muda Brunei (Young Entrepreneurs Association of Brunei-YEAB) baru-baru ini telah menyertai Seminar on Culture and Tourism Empowering High-Quality Rural Development for ASEAN Countries (Landing Project) di China.

Menyertai seminar yang berlangsung selama 10 hari bermula 19 hingga 29 November 2024 itu ialah Pengasas Bersama

Rattan House, Maziznabel dan Pengasas Khairani's Closet, Khairani Ashry.

Seramai 20 peserta dari Negara ASEAN telah meneroka bagaimana budaya dan pelancongan boleh dimanfaatkan bagi meningkatkan pembangunan luar bandar.

Kedua-dua Ahli YEAB ini akan mewakili negara dan terlibat dalam perbincangan mengenai pembangunan mampan, pemeliharaan budaya dan inovasi

pelancongan. Penyertaan mereka menyerlahkan dedikasi YEAB terhadap misinya 'Bridging Borders, Empower Entrepreneurs' di Negara Brunei Darussalam.

YEAB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kedutaan Republik Rakyat China di NBD atas sokongan tidak ternilai mereka dalam memudahkan peluang unik ini. Kerjasama ini menggariskan hubungan dua hala yang kukuh antara NBD dan China serta mencerminkan komitmen YEAB untuk memupuk usahawan muda dan perkongsian serantau.

Perkukuh kemahiran kendalikan bahan bukti

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Rabu, 20 November. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan Taklimat Bahan Bukti 'Trace Evidence' yang disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Saintifik (DSS), Kementerian Kesihatan.

Taklimat tersebut diadakan di Auditorium Bangunan Ibu Pejabat Polis Gadong dan dihadiri oleh pegawai dan anggota penyiasat dari Jabatan Siasatan Jenayah dan Daerah-Daerah Polis.

Pembentangan telah disampaikan oleh dua Pegawai DSS, iaitu Haji Abdul Wafi Zulfadli Haji Awang dan Khairul Hazim Haji Awang Salleh.

Antara tajuk yang dibentangkan merangkumi penganalisaan forensik bahan-bahan halus seperti serat, rambut, kaca, tanah atau bahan lain yang boleh menjadi petunjuk penting dalam siasatan jenayah.

Dalam pembentangan tersebut, para pakar dari DSS telah berkongsi teknik terkini dalam pengumpulan, analisis dan penafsiran bukti jejak yang boleh membantu mengenal pasti suspek atau menyokong bukti di mahkamah.

Pembentangan itu juga memberikan peluang kepada pihak PPDB untuk berdialog dengan pakar DSS, berbincang tentang cabaran yang dihadapi, serta mengukuhkan kemahiran dalam mengendalikan bahan bukti.

Pihak PPDB sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam melaksanakan tugas-tugas yang dianamanahkan.

Pembentangan ini diharapkan dapat memberikan pemahaman jelas tentang amalan dan prosedur semasa dalam penganalisaan, pembungkusan dan prosedur penghantaran bahan bukti yang berkesan, serta memperkuuhkan proses penyiasatan demi keadilan.



PEMBENTANG Taklimat Bahan Bukti 'Trace Evidence' semasa menerima sijil penghargaan.



MEXICO CITY, 22 Nov. - Presiden Mexico Claudia Sheinbaum pada Khamis menyuarakan kesediaan untuk kemungkinan pengusiran besar-besaran pendatang oleh Amerika Syarikat (AS), yang menurut Presiden Terpilih AS

MEXICO BERSEDIA LINDUNGI PENDATANG DALAM MENGHADAPI PENGUSIRAN AS

Donald Trump akan berlaku sebaik sahaja beliau memegang jawatan, lapor Xinhua.

"Sekiranya berlaku pengusiran, kami akan menerima warga Mexico, dan kami sudah mempunyai rancangan untuk itu," kata Sheinbaum dalam sidang media.

Beliau turut menyatakan rasa tidak setuju terhadap tindakan memperlakukan pendatang seperti penjenayah, sambil menegaskan bahawa "institusi keadilan wujud di seluruh dunia" untuk melindungi hak asasi manusia.

Sheinbaum berkata kerajaan

sedang mengukuhkan rangkaian konsulat Mexico di Amerika Syarikat bagi melindungi migran yang berisiko diusir.

Dalam beberapa hari akan datang, Sheinbaum akan bertemu kabinetnya untuk mengkaji isu-isu dua hala yang perlu dibincangkan dengan pasukan Trump, termasuk isu imigresen, keselamatan, perdagangan, dan perjanjian

perdagangan bebas antara Mexico, Amerika Syarikat dan Kanada.

Trump, yang akan mengangkat sumpah pada 20 Jan 2025, mengancam untuk memperketatkan langkah-langkah bagi menghentikan aliran pendatang tanpa izin di sepanjang sempadan AS-Mexico. - ©BERNAMA

Kebocoran gas paksa 150 orang dipindahkan di Prague

PRAGUE, 22 Nov. - Kira-kira 150 orang terpaksa dipindahkan pada Khamis di pusat bandar Prague akibat kebocoran gas, menurut polis dan pasukan penyelamat, lapor Xinhua.

"Kebocoran gas telah menyebabkan penutupan Opatovicka Street di Prague 1.

Seramai 150 orang dipindahkan dari enam bangunan," kata polis di platform media sosial X, sambil menggesa orang awam supaya menjauhi kawasan itu.

Kebocoran gas itu berlaku pada awal petang, dan perkhidmatan perubatan kecemasan tempatan melaporkan tidak ada cederaan

yang direkodkan setakat 7 malam.

Pasukan bomba telah melaksanakan langkah pencegahan kebakaran dan bekerjasama rapat dengan jabatan kecemasan gas untuk mencegah kebocoran selanjutnya.

Punca kebocoran gas masih belum diketahui. - ©BERNAMA

Pep Guardiola lanjut kontrak bersama Manchester City hingga 2027

ISTANBUL, 22 Nov. - Manchester City pada Khamis mengesahkan bahawa pengurus Pep Guardiola, yang kontraknya akan tamat pada penghujung musim 2024/25, telah menandatangi lanjutan kontrak selama dua tahun, lapor Agensi Anadolu(AA).

"Manchester City sangat bermakna bagi saya," kata Guardiola selepas majlis menandatangi kontrak.

"Ini adalah musim kesembilan saya di sini. Kami telah melalui begitu banyak detik luar biasa bersama. Saya mempunyai perasaan yang sangat istimewa untuk kelab bola sepak ini. Itulah sebabnya saya sangat gembira untuk kekal selama dua musim lagi," tambahnya.

Di bawah bimbingan Guardiola, Manchester City menjadi kelab pertama yang merangkul gelaran

Liga Perdana Inggeris empat kali berturut-turut dan pasukan pertama mencapai 100 mata dalam satu musim Liga Perdana.

Pengurus berusia 53 tahun itu telah membawa City memenangi 18 trofi utama dalam lapan musim penuh, termasuk enam gelaran Liga Perdana Inggeris, satu gelaran Liga Juara-Juara UEFA, dan kejayaan treble bersejarah pada musim 2022/23. - ©BERNAMA

Tiga maut dalam ujian kenderaan di loji Hyundai Motor, Ulsan

ULSAN (Korea Selatan), 19 Nov. - Tiga petugas maut disyaki akibat sesak nafas semasa menjalankan ujian prestasi kenderaan di kilang Hyundai Motor Co di Ulsan pada Selasa, menurut pegawai.

Mangsa, terdiri daripada dua penyelidik Hyundai dan seorang pekerja subkontraktor, ditemukan tidak sedarkan diri di dalam bilik ujian kira-kira pukul 3 petang.

Mereka segera dikeharkan ke hospital berdekatan tetapi disahkan meninggal dunia kemudian, lapor agensi berita Yonhap yang memetik kenyataan pegawai syarikat dan pihak berkuasa.

Siasatan awal mendapati kematian itu mungkin berpuncak daripada pendedahan kepada gas toksik dalam kawasan ujian tertutup.

Polis telah melancarkan siasatan untuk menentukan keadaan sebenar kejadian itu dan meminta bedah siasat dilakukan bagi mengesahkan punca kematian.

Kementerian Pekerjaan dan Buruh Korea Selatan telah menghantar pemeriksa ke lokasi bagi menyiasat insiden itu dan menilai sama ada Akta Hukuman Kemalangan Serius terpakai.

Akta itu menetapkan hukuman penjara minimum satu tahun atau

denda sehingga 1 bilion won (US\$717,360) bagi pemilik perniagaan atau eksekutif yang didapati bertanggungjawab atas kemalangan industri serius yang menyebabkan kematian atau kecederaan parah.

Hyundai Motor Co menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa dan komited untuk mengambil langkah sewajarnya susulan tragedi itu.

Syarikat automotif itu turut berikrar untuk melaksanakan usaha komprehensif bagi mencegah kejadian serupa daripada berulang. - ©BERNAMA

Saintis bangunkan dron guna bahagian burung sebenar

HOUSTON, 20 Nov. - Saintis di New Mexico Tech, sebuah universiti awam di negeri New Mexico, Amerika Syarikat (AS) telah membangunkan dron menggunakan bahagian burung sebenar, lapor media tempatan KOAT Action 7 pada Selasa, menurut Xinhua.

Dron taksidermi itu direka untuk kelihatan dan terbang seperti burung sebenar dengan bulu asli dan mengibas-ngibaskan kepak, yang akan membantu dron itu bergaul dengan hidupan liar serta membantu juruterbang dengan

menghalang burung daripada memasuki ruang udara atau berlanggar dengan pesawat, menurut laporan itu.

Dr. Mostafa Hassanalian, penyelidik utama dan profesor kejuruteraan mekanikal di New Mexico Tech, iaitu Institut Perlombongan dan Teknologi New Mexico, percaya dron ini boleh menyelamatkan nyawa, menjimatkan wang, dan melindungi alam sekitar, tambah laporan itu.

Pasukan penyelidiknya telah menghabiskan masa dua tahun membangunkan dron dan robot

burung pegar, itik mallard dan merpati, menurut laporan USA Today minggu lalu, sambil menyatakan bahawa dron itu masih dalam ujian dan pasukan itu kini sedang berusaha mendapatkan kebenaran untuk menerbangkan dron itu bersama burung sebenar dalam persekitaran bukan simulasii.

Burung animatronik ini juga mungkin digunakan untuk mengkaji formasi burung, warna bulu, dan komunikasi, selain ekosistem semula jadi lain, menurut laporan USA Today. - ©BERNAMA

IPD Kajang lupus barang kes bernilai RM1.87 juta

KAJANG, 21 Nov. - Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang melupuskan pelbagai barang kes bernilai RM1.87 juta di Balai Polis Bandar Baru Bangi, di sini hari ini.

Ketua Polis Daerah Kajang, ACP Naazron Abdul Yusof berkata pelupusan barang kes berkenaan membabitkan 313 kertas siasatan jenayah, termasuk 38 jenayah komersial yang telah diselesaikan di mahkamah.

"Pelaksanaan pelupusan ini dibuat mengikut Seksyen 406A Kanun Prosedur Jenayah, setelah mendapat arahan pelupusan daripada pihak pendakwa raya dan mahkamah.

"Barangan yang dilupuskan antaranya rokok dan minuman keras tidak bercukai, mesin judi, mesin bitcoin, komputer, telefon bimbit dan cakera padat bagi kes dari 2019 hingga 2024," katanya ketika berucap pada majlis pelupusan barang kes berkenaan.

Turut hadir Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, SAC Wan Kamarul Azran Wan Yusof, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Selangor, Datuk Saiman Kasran dan Majistret Nurdianah Mohd Nawawi. - ©BERNAMA

Gitar ahli kumpulan The Beatles, Harrison dilelong lebih US\$1.2 juta

LOS ANGELES, 21 Nov. - Sebuah gitar yang dibeli oleh ahli kumpulan The Beatles George Harrison pada harga kira-kira GBP58 telah dijual dalam satu lelongan padaharga lebih GBP1 juta (US\$1.27 juta), lapor agensi berita PA Media.

Gitar elektrik jenis Futurama itu dibeli oleh gitaris kumpulanberkenaan pada 1959 ketika dia menjadi pelatih juruelektrik semasa berusia 16 tahun.

Alat muzik itu dilelong di Nashville, Tennessee Rabu padajualanJulien's Auctions bertajuk Played, Worn & Torn dengan harga US\$1.27 juta – dua kali ganda daripada anggaran awal.

Martin Nolan, pengarah eksekutif Julien's Auctions, berkata jumlah itu mencatatkan rekod dunia untuk jualan gitar George Harrison yang tertinggi.

"Gitar Futurama ikonik milik George Harrison, antaragitar terpenting dalam sejarah 'rock and roll' dan formatif kepada bunyi The Beatles, telah mencipta sejarah padalelongan hari ini," kata Nolan.

Rumah lelong itu juga menjual gitar akustik Hootenanny milik John Lennon pada harga US\$3 juta awal tahun ini dan pernah menjual gitar akustik Lennon pada harga US\$2.4 juta sebelum ini. - ©BERNAMA

SpaceX lancar ujian penerbangan keenam roket Starship

LOS ANGELES, 20 Nov. - SpaceX melancarkan ujian penerbangan keenam roket tanpa pemandu Starship pada Selasa, lapor Xinhua.

Starship berlepas dari kemudahan Starbase syarikat itu berhampiran Brownsville di negeri Texas, Amerika Syarikat (AS) kira-kira 4.01 minit takwut tengah.

Enjin Raptor Starship diaktifkan semasa pemisahan menerusi teknik hot-staging. Beberapa minit selepas berlepas, penggalak Super Heavy memulakan pembakaran pendaratan dan mendarat dengan terkawal di Teluk Mexico.

Starship berjaya mengaktifkan satu daripada enjin Raptornya semasa berada di angkasa buat kali pertama. Kira-kira satu jam lima minit selepas pelancaran, Starship mendarat di Lautan Hindi.

Antara objektif ujian baharu ini termasuk penggalak Super Heavy kembali ke tapak pelancaran untuk tangkap, menghidupkan semula enjin Raptor di angkasa, serta menguji rangkaian perisai haba dan perubahan pergerakan untuk kemasukan semula dan penurunan kapal di Lautan Hindi, menurut SpaceX.

Bagaimanapun, SpaceX tidak berjaya mengembalikan penggalak ke tapak pelancaran seperti yang dirancang. Sebaliknya, SpaceX memilih untuk mendaratkan penggalak Super Heavy di Teluk Mexico. Sebabnya masih belum diketahui.

Melalui pelbagai ujian penerbangan, SpaceX berhasrat untuk memulihkan dan menggunakan semula penggalak Super Heavy dan kapal angkasa Starship dengan cepat untuk misi akan datang. - ©BERNAMA

KLUSTER 3A JOHAN REGU SEPAK TAKRAW

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ihsan Jabatan Pendidikan Kokurikulum

SUNGAI KEBUN, Khamis, 21 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum petang tadi mengadakan Peringkat Akhir Acara Regu Sepak Takraw bagi Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (BDSG) Kali Ke-2, Tahun 2024 bertempat di Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat



TETAMU kehormat bergambar ramai bersama pemenang-pemenang Acara Regu Sepak Takraw bagi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSG) Kali Ke-2, Tahun 2024 yang diadakan di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Kejohanan Dart HPA : 73 pasukan akan berentap



AHLI-ahli Jawatankuasa Jabatan Daerah Brunei dan Muara ketika bergambar ramai semasa Mesyuarat bersama Pengurus-pengurus Pasukan bagi Kejohanan Dart antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-31 (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada mesyuarat tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Kejohanan Dart antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-31 Tahun 2024 bakal menyaksikan sebanyak 73 pasukan akan berentap dalam Kategori Beregu Lelaki (Terbuka) dan Kategori Perseorangan Lelaki (Terbuka) disertai seramai 97 peserta.

Bertempat di Sport Hub, Annex C, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, kejohanan tersebut akan diadakan selama tiga hari bermula 22 hingga 24 November 2024 ini nanti.

Sehubungan itu, Mesyuarat bersama Pengurus-pengurus Pasukan bagi Kejohanan tersebut diadakan hari ini berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Hadir mempengerusikan mesyuarat tersebut ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Md. Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin, selaku Timbalan Pengerusi Bersama Kejohanan itu dan sekali gus memberikan

dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah Ketua Perhubungan Antarabangsa, Kementerian Pendidikan, Pengiran Haji Ahmad Masudwardi Aidil-Fitri bin Pengiran Haji Md. Daud.

Bagi Acara Regu Sepak Takraw, johan pertandingan ialah Pasukan Kluster 3A, diikuti dengan Pasukan Kluster 6B tempat kedua dan Pasukan Kluster 1A

tempat ketiga.

Pertandingan Sepak Takraw berkenaan dibahagikan kepada tiga acara iaitu Berpasukan, Beregu dan Regu.

Seramai 90 atlet-pelajar telah menyertai ketiga-tiga acara tersebut.

Pada tahun ini, BDSG menampilkan tujuh acara sukan yang dipertandingkan, iaitu Bola Jaring, Bola Keranjang, Badminton, Renang, Sepak Takraw, Pencak Silat dan Olahraga.

Kejohanan ini akan berlangsung sehingga 23 November 2024, disertai

oleh seramai 911 atlet-pelajar dari keenam-enam kluster sekolah kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan.

جاین فرانخون ایکوتومی دان ستاتیستک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAH PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Kasuka Ar Rawda kekal di puncak BEFL

Siaran Akbar dan Foto : Brunei Elite Futsal League

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. – Pasukan Kasuka Ar Rawda perlu bekerja keras sebelum memastikan kejayaan mengekalkan rekor bersih, sekali gus kekal berada di puncak Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024/25.

Pertemuan menarik pasukan didikan Wahyu Triayanto itu berjaya menerima tentang sengit daripada Pasukan Arbisyam FC, sekalipun pasukan dari Daerah Tutong itu menjadi penghuni tangga tercorot liga.

Kasuka Ar Rawda terpaksa menunggu sehingga minit ke-8 untuk membolosi gawang Arbisyam FC menerusi umpanan menarik kepada Faiz Hasnan bagi kedudukan 1-0.

Namun, pasukan pilihan itu tersentak dengan serangan pantas pemain lincah Arbisyam FC menerusi larian solo Aminuddin Shah, yang bijak melepasi dua pertahanan sebelum memperdayakan penjaga gol Kasuka Ar Rawda untuk menyamakan kedudukan 1-1.

Strategi tersusun Pasukan Arbisyam FC kerap mengecewakan serangan-serangan Kasuka Ar Rawda, sekalipun mempunyai peluang di depan pintu gol.

Jaringan Faiz Hasnan pada minit ke-33, yang bijak memperdayakan pertahanan dan menguis mudah ke gawang Arbisyam FC, mula melegakan barisan kejurulatihan Pasukan Kasuka Ar Rawda.

Pemain import dari Iran, Reza Rahmannia, kemudian melepaskan geram dengan menambah jaringan ketiga pada minit akhir perlawan.

"Kami mengakui peluang-peluang Pasukan Kasuka Ar Rawda terlalu banyak, namun kita hanya berjaya membolosi sebanyak tiga kali. Pasukan lawan nampak lebih berhati-hati dengan memperkemas barisan pertahanan mereka. Kemenangan ini sangat penting buat Pasukan Kasuka Ar Rawda untuk mengukuhkan kedudukan tangga teratas liga," jelas Ketua Jurulatih Pasukan Kasuka Ar Rawda, Wahyu Triayanto.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Pasukan Arbisyam FC, Khairulazim Abdullah pula memuji kecekalan anak buahnya yang berjaya menampilkan permainan yang menyerlah di sebalik kekalahan buat kali ketiga berturut-turut.

Katanya, prestasi Pasukan Arbisyam FC nampak semakin meningkat dan beliau yakin anak buahnya akan mampu bangkit pada perlawanannya seterusnya.



AKSI perlawan antara Arbisyam FC dan Kasuka Ar Rawda pada Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024/25.





ePaper Pelita Brunei



PENCAC K SILAT PERINGKAT AKHIR PERTANDINGKAN KATEGORI LELAKI, WANITA



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan selaku tetamu kehormat majlis bergambar ramai bersama pemenang-pemenang dan atlet pelajar yang menyertai Acara Pencak Silat bagi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSG) Kali Ke-2, Tahun 2024.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

SENGKURONG, Jumaat, 22 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum pada hari ini mengadakan Peringkat Akhir Acara Pencak Silat bagi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSG) Kali Ke-2, Tahun 2024 bertempat di Dewan Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan

seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Sebanyak enam kluster menyertai Acara Pencak Silat yang dibahagikan kepada empat kategori, yang dipertandingkan pada BDSG tahun ini, melibatkan seramai 53 atlet pelajar

terdiri daripada 38 atlet lelaki dan 15 atlet perempuan.

Pingat emas bagi Acara Lelaki 'B', iaitu 43 kilogram (kg) hingga 47kg disandang oleh Awangku Muhd. 'Aqeel Fadlullah bin Pengiran Haji Mohd. Yasrizam Ayub dari Kluster 3, manakala bagi Acara Lelaki 'E', iaitu 55kg hingga 59kg dimenangi oleh Awang Md. Raid Naim bin Md. Syamsuddin, juga dari Kluster 3.

Sementara pingat emas bagi Acara Wanita 'B', iaitu 43kg hingga 47kg dan Acara Wanita 'D', iaitu 51kg hingga 55kg, masing-masing

dimenangi oleh Dayang Annisya Suraya binti Razali dari Kluster 1; dan Dayang Nur Asyifa Shabeqah binti Masli dari Kluster 5.

Pada tahun ini, BDSG menampilkan sebanyak tujuh acara sukan iaitu Bola Jaring, Bola Keranjang, Badminton, Renang, Sepak Takraw, Pencak Silat dan Olahraga.

Kejohanan berkenaan akan berlangsung sehingga 23 November 2024, disertai oleh seramai 911 atlet pelajar daripada keenam-enam Kluster sekolah kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan.

Kejohanan Dart sempena HPA Ke-31



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara semasa merasmikan Kejohanan Dart di antara Kementerian-kementerian sempena HPA Ke-31, Tahun 2024 (atas sekali). Manakala gambar atas, antara peserta yang menyertai kejohanan tersebut.

BERAKAS, Jumaat, 22 November. - Kejohanan Dart di antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-31, Tahun 2024 membuka tirainya petang tadi dengan menyaksikan perlawanan peringkat awal (Round Robin) dimulakan dengan Kategori Beregu Lelaki Terbuka.

Terdahulu, hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi merasmikan kejohanan berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Brunei dan Muara (DBM), Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri, yang juga selaku Pengurus Bersama Kejohanan Dart di antara Kementerian-kementerian sempena HPA Ke-31, Tahun 2024.

Kejohanan anjuran Jabatan DBM dan dikendalikan oleh Kelab Dart KBT Brunei Darussalam berkenaan akan berlangsung selama tiga hari bermula hari ini sehingga 24 November 2024 nanti bertempat di Sport Hub, Annex C, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Tahukah Awda

SYARIKAT Minyak Brunei Shell (Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. - BSP) telah berjaya membuat penerokaan baharu ke atas Telaga Layang-Layang di kawasan Lumut yang merupakan penemuan baharu di daratan yang signifikan bagi BSP dalam 37 tahun. Penemuan Minyak dan Gas Layang-Layang merupakan yang pertama seumpamanya kerana ia mengesahkan satu konsep geologi baharu yang dikenali sebagai *Shale diapir trap* yang diterjemahkan dari data seismik dan Brunei *field outcrop studies*. Apa yang membuatkan penemuan ini sangat luar biasa ialah aplikasi baharu, pemprosesan teknologi seismik yang terkini dari data lama yang sedia ada.

SUMBER : Pelita Brunei Edisi April 2017.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SAYANGI DAN LINDUNGI ANAK-ANAK KITA